

Pengenalan Penulis

Nama penuh beliau ialah Abu Zakaria Yahya bin Syaraf bin Murri bin Hasan bin Husain bin Muhammad bin Jum'ah bin Hizam al-Nawawi al-Dimasyqi. Beliau lahir pada bulan Muharam tahun 631 Hijrah di Nawa, sebuah perkampungan yang terletak di Hauran.

Beliau dididik oleh ayahnya yang terkenal dengan kesolehan dan ketakwaannya. Beliau mula belajar di *katatib* (tempat belajar membaca dan menulis untuk anak-anak) dan hafaz al-Quran sebelum menginjak usia baligh.

Oleh sebab Damsyiq merupakan bandar ilmu dan ulama, beliau berhijrah ke sana pada tahun 649 Hijrah untuk mendalami ilmu agama. Beliau mempelajari 12 mata pelajaran daripada para gurunya dalam tempoh sehari semalam. Dikatakan beliau tidak tidur nyenyak selama dua tahun kerana kesungguhan menuntut ilmu.

Kata anak murid kanannya, Ibnu al-'Atthar, "Al-Nawawi tidak pernah mensia-siakan masanya. Kehidupannya penuh dengan mendalami ilmu dan memperkukuh hafalan ilmunya walaupun ketika beliau sedang berjalan ke tempat pengajiannya."

Imam al-Nawawi dikurniakan Allah SWT kekuatan daya ingatan dan kefaqihan dalam memahami serta menguasai pelbagai disiplin ilmu Islam. Beliau menjadi rujukan besar dalam bidang *Fiqh al-Syafi'i* dan *Fiqh al-Muqaran*.

Begitu juga penguasaannya dalam matan hadis, nama-nama perawi dan lain-lain yang dengan erti kata lain, beliau menghimpunkan kepakaran antara *riwayah* dan *dirayah* hadis. Oleh itu, tidak hairanlah beliau dianggap sebagai *faqih al-muhaddith* dan *muhaddith al-faqih*.

Imam al-Nawawi menghasilkan karya yang sangat banyak dan berkualiti tinggi. Hasil penulisannya menjadi rujukan ramai sehingga ke hari ini. Antara karya beliau termasuklah *Riyadh al-Salihin*, *Al-Tibyan fi Adab Hamalah al-Quran*, *al-Adzkar*, *Al-Minhaj Syarh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*, *Minhaj al-Talibin wa 'Umdah al-Muftin* dan *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*.

Imam al-Nawawi meninggal dunia pada 24 Rejab 676H, pada usia 45 tahun.

Mukadimah Hadis 40


Ramai ulama yang telah menyusun pelbagai karya yang memuatkan 40 buah hadis Nabi SAW. Sedemikian banyaknya ulama yang menyusunnya sehinggakan buku seumpama ini tidak terhitung jumlahnya.

Imam al-Nawawi sendiri menulis bahawa antara yang terawal menyusun hadis ini sebagaimana yang beliau tahu ialah Abdullah bin al-Mubarak, kemudian Muhammad bin Aslam al-Tusi, al-Hasan bin Sufyan al-Nasawi, Abu Bakr al-Ajurri, Abu Bakr Muhammad bin Ibrahim al-Asbahani, al-Daraqutni, al-Hakim, Abu Nu'aim, Abu Abdul Rahman al-Sulami, Abu Sa'id al-Malini, Abu Usman al-Sabuni, Abdullah bin Muhammad al-Ansari, Abu Bakr al-Baihaqi dan ramai lagi yang tidak terhitung bilangannya daripada generasi *mutaqaddimin* dan *mutakhirin*.

Ada ulama yang mengumpulkan 40 hadis dalam aspek usuluddin, sebahagiannya pula dalam perkara furuk, sebahagiannya dalam aspek jihad, sebahagiannya dalam bab zuhud, sebahagiannya dalam perkara adab dan sebahagiannya dalam perkara-perkara lain.

Imam al-Nawawi sendiri pula telah beristikhrah kepada Allah SWT, mengumpulkan 40 hadis ini sebagai mengikuti para imam yang terkemuka dan para *huffaz*. Imam al-Nawawi telah mengambil inisiatif untuk menghimpunkan hadis-hadis yang lebih penting daripada semua bab yang disebutkan, iaitu hadis-hadis yang merangkumi semua perkara tersebut.

Setiap hadis yang dihimpunkan Imam al-Nawawi ini menjadi asas kepada kaedah-kaedah agama yang penting dan para ulama menyifatkan hadis-hadis tersebut sebagai paksi agama Islam atau yang seumpamanya. Oleh sebab kepentingan himpunan ini, ramai sekali para ulama yang telah mensyarahkan himpunan hadis 40 Imam al-Nawawi ini bahkan kitab ini terlalu masyhur dalam kalangan ulama dan orang awam di segenap pelosok dunia.

The background of the slide is a faded, high-angle photograph of a large mosque courtyard. In the foreground, there are rows of tall, fluted columns supporting a series of arches. The courtyard is filled with people, some standing and some walking. In the distance, a large, ornate minaret rises above the other buildings. The overall atmosphere is one of a busy, historic religious site.

Kata Imam al-Nawawi:

وَيُنَبِّئِي لِكُلِّ رَاغِبٍ فِي الْآخِرَةِ أَنْ يَعْرِفَ هَذِهِ الْأَحَادِيثَ.

“Sewajarnya bagi semua orang yang mencintai akhirat untuk mengenali hadis-hadis ini.”

HADIS PERTAMA: KEUTAMAAN NIAT

عَنْ أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ أَبِي حَفْصٍ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: سَمِعْتُ
رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ:

Diriwayatkan daripada Amirul Mukminin Abu Hafs 'Umar bin al-Khattab r.a., katanya,
"Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى. فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ،
فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ. وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا، فَهِجْرَتُهُ
إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ.

"Sesungguhnya setiap amalan bergantung pada niat dan sesungguhnya setiap seorang itu mengikut apa yang diniatkannya. Sesiapa yang hijrahnya kepada Allah SWT dan Rasul-Nya SAW, maka hijrahnya itu kepada Allah SWT dan Rasul-Nya SAW. Sesiapa yang hijrahnya untuk dunia yang ingin diperoleh atau untuk wanita yang ingin dikahwini, maka hijrahnya adalah berdasarkan kepada apa yang diniatkannya."

رَوَاهُ إِمَامَا الْمُحَدِّثَيْنِ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ مُحَمَّدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ بْنِ إِبْرَاهِيمَ بْنِ الْمُغِيرَةِ بْنِ بَرْدِزْبَه
الْبُخَارِيُّ، وَأَبُو الْحُسَيْنِ مُسْلِمُ بْنُ الْحَجَّاجِ بْنِ مُسْلِمٍ الْقُشَيْرِيُّ النَّيْسَابُورِيُّ رَضِيَ اللَّهُ
عَنْهُمَا فِي صَحِيحَيْهِمَا اللَّذَيْنِ هُمَا أَصْحُ الْكُتُبِ الْمُصَنَّفَةِ.

Hadis ini diriwayatkan oleh dua orang imam *muhaddith*, iaitu Abu Abdullah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardizbah al-Bukhari dan Abu al-Husain Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qusyairi al-Naisaburi – semoga Allah meredai mereka – dalam kedua-dua kitab mereka yang merupakan kitab hadis yang paling sahih pernah dikarang.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Kepentingan dan kelebihan niat yang baik kerana semua amalan dipaksakan kepada niat. Penerimaan atau penolakan sesuatu amalan adalah berdasarkan kepada niat yang benar, sempurna, baik atau niat yang rosak atau cacat.
2. Pahala dalam semua amalan di sisi Allah SWT bergantung kepada niat yang baik dan bukan sekadar amalan semata-mata. Hal inilah yang membezakan seorang Muslim yang sejati dan orang munafik yang tiada atau rosak niat baiknya.
3. Hadis ini tidaklah bermaksud niat sahaja sudah mencukupi. Niat yang benar juga mestilah diiringi dengan amalan yang benar menurut sunah Nabi SAW.
4. Dari sudut pendidikan, apabila dinyatakan sesuatu kaedah atau prinsip, maka hendaklah juga dinyatakan contoh bagi menjelaskan kaedah dan prinsip tersebut. Dalam hadis ini, Rasulullah menyebut tentang kaedah atau prinsip tentang “setiap amalan bergantung pada niat” kemudian disertakan sekali contoh bagi menjelaskannya, iaitu “hijrah.”
5. Niat amat penting dalam memberi nilai besar atau kecil kepada sesuatu amalan. Dalam hadis ini disebutkan seorang lelaki yang melakukan amalan besar, iaitu berhijrah, namun amalannya dikecilkan atau dirosakkan oleh niatnya.
6. Niat bukanlah sekadar suatu permulaan, namun kepentingan niat juga membawa kefahaman bahawa pentingnya merancang, menetapkan matlamat, hala tuju dan apa yang kita ingin capai dalam sesuatu urusan, sama ada dalam konteks kerjaya, peribadi atau apa sahaja. Niat bahkan meliputi wawasan jangka masa panjang yang bersifat transformasi sebagaimana hijrah.

HADIS KEDUA: IMAN, ISLAM DAN ISHAN

عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَيْضًا، قَالَ:

Diriwayatkan daripada Umar r.a. juga, beliau berkata:

بَيْنَمَا نَحْنُ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ، إِذْ طَلَعَ عَلَيْنَا رَجُلٌ شَدِيدُ بَيَاضِ الثِّيَابِ، شَدِيدُ سَوَادِ الشَّعْرِ، لَا يُرَى عَلَيْهِ أَثَرُ السَّفَرِ، وَلَا يَعْرِفُهُ مِنَّا أَحَدٌ، حَتَّى جَلَسَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَسْنَدَ رُكْبَتَيْهِ إِلَى رُكْبَتَيْهِ، وَوَضَعَ كَفَّيْهِ عَلَى فَخْذَيْهِ، وَقَالَ: يَا مُحَمَّدُ، أَخْبِرْنِي عَنِ الْإِسْلَامِ.

“Tatkala kami duduk bersama Rasulullah SAW pada suatu hari, tiba-tiba muncul di hadapan kami seorang lelaki yang sangat putih pakaiannya, sangat hitam rambutnya, tidak kelihatan padanya kesan-kesan permusafiran dan tiada seorang pun antara kami yang mengenalinya. Seinggalah dia duduk di sisi Nabi Muhammad SAW dan dia sandarkan lututnya pada lutut Nabi SAW serta meletakkan tangannya di atas pahanya, lalu berkata, ‘Wahai Muhammad! Beritahu kepada aku tentang Islam.”

الْإِسْلَامُ: أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنَّ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ، وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ، وَتَصُومَ رَمَضَانَ، وَتَحُجَّ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلًا. قَالَ: صَدَقْتَ، قَالَ: فَعَجِبْنَا لَهُ يَسْأَلُهُ وَيُصَدِّقُهُ. قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِيمَانِ. قَالَ: أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ، وَمَلَائِكَتِهِ، وَكُتُبِهِ، وَرُسُلِهِ، وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، وَتُؤْمِنَ بِالْقَدَرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ. قَالَ: صَدَقْتَ. قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ، قَالَ: أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ، فَإِنَّهُ يَرَاكَ.

A vertical strip on the left side of the page shows a portion of a mosque's interior. It features a large, ornate dome with intricate carvings and a series of arched windows. The architecture is made of light-colored stone or plaster. In the foreground, there's a dark, arched doorway. The overall atmosphere is serene and historical.

“Maka Rasulullah SAW bersabda, ‘Islam adalah kamu bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan dan menunaikan haji di Baitullah sekiranya berkemampuan untuk pergi ke sana.’ Lelaki itu berkata, ‘Kamu benar.’ Maka, kami berasa hairan terhadapnya, dia yang bertanya dan dia yang membenarkannya. Lelaki itu berkata lagi, ‘Beritahu kepada aku tentang iman.’ Rasulullah SAW bersabda, ‘Bahawasanya kamu beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, hari kiamat dan beriman dengan ketentuan-Nya yang baik dan buruk.’ Lelaki itu berkata, ‘Kamu benar.’ Katanya, ‘Maka beritahu kepada aku tentang ihsan.’ Rasulullah SAW bersabda, ‘Bahawasanya kamu menyembah Allah seumpama kamu melihatnya. Maka, sekiranya kamu tidak mampu melihat-Nya, sesungguhnya Dia melihat kamu.’”

قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ السَّاعَةِ؟ قَالَ: مَا الْمَسْئُولُ عَنْهَا بِأَعْلَمَ مِنَ السَّائِلِ. قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنْ أَمَارَتِهَا؟ قَالَ: أَنْ تَلِدَ الْأَمَةُ رَبَّتَهَا، وَأَنْ تَرَى الْحُفَاةَ الْعُرَاةَ الْعَالَةَ رِعَاءَ الشَّاءِ يَتَطَاوَلُونَ فِي الْبُنْيَانِ. قَالَ: ثُمَّ انْطَلِقْ، فَلَبِثْتُ مَلِيًّا، ثُمَّ قَالَ لِي: يَا عُمَرُ، أَتَدْرِي مَنْ السَّائِلُ؟ قُلْتُ: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ. قَالَ: فَإِنَّهُ جِبْرِيلُ، أَتَاكُمْ يُعَلِّمُكُمْ دِينَكُمْ.

“Katanya, ‘Maka, beritahu kepada aku tentang kiamat.’ Rasulullah SAW menjawab, ‘Tidaklah orang yang ditanya itu lebih mengetahui daripada orang yang bertanya.’ Lelaki itu berkata, ‘Maka, beritahu kepada aku tentang tanda-tanda kiamat.’ Rasulullah bersabda, ‘Bahawasanya seorang hamba perempuan melahirkan tuannya, kamu melihat orang yang berkaki ayam, bertelanjang, miskin dan menggembala kambing akan berlumba-lumba membina bangunan yang tinggi.’ Kemudian lelaki itu beredar, lalu aku terdiam beberapa ketika. Kemudian Baginda bersabda kepadaku, ‘Wahai Umar, adakah kamu tahu siapakah yang bertanya itu?’ Aku menjawab, ‘Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui.’ Sabda Rasulullah SAW, ‘Sesungguhnya, itulah Jibrail yang datang kepada kamu, dia mengajar kamu tentang agama kamu.’”

رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh Muslim.

The background of the slide is a faded, light-colored image of a mosque interior, showing a large dome and arched windows. On the left side, there are two circular inset images: the top one shows a small white dome with a crescent moon on top, and the bottom one shows a large, ornate golden dome with a crescent moon on top.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Daripada hadis ini diketahui lima rukun Islam, enam rukun iman, pengertian ihsan dan tanda-tanda kiamat sepertimana yang dinyatakan dalam hadis.
2. Beberapa adab menuntut ilmu turut ditampilkan termasuklah:
 - a) Pendekatan soal jawab sebagai salah satu kaedah pendidikan.
 - b) Penampilan dan imej yang bersih, kemas dan sopan dalam menuntut ilmu.
 - c) Sikap para sahabat yang sentiasa mendampingi Rasulullah SAW.
 - d) Kesedaran dan perhatian yang dicontohi oleh para sahabat sehingga dapat mengulang kembali soalan-soalan berserta jawapan-jawapan yang disebutkan.
3. Petunjuk daripada hadis ini menunjukkan kebiasaan Nabi SAW yang duduk bersama sahabat. Ia menunjukkan kebaikan untuk bersama dan bergaul dengan manusia yang lain serta tidak terlalu menyendiri atau menjauhi orang lain.
4. Belajar untuk mengatakan “tidak tahu” pada perkara yang tidak diketahui. Ia sesekali tidak mengurangkan martabat orang yang berkata.
5. Pertanyaan tidak hanya diajukan untuk sekadar memperoleh jawapan. Adakalanya ia bertujuan untuk memberikan manfaat ilmu kepada mereka di sekeliling.
6. Hadis ini juga menjadi bukti akan kewujudan malaikat itu sendiri khususnya Jibrail a.s. dalam hadis ini yang berperanan menyampaikan wahyu daripada Allah SWT.

HADIS KETIGA: RUKUN ISLAM YANG LIMA

عَنْ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: سَمِعْتُ
رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ

Diriwayatkan daripada Abu Abdul Rahman Abdullah bin Umar bin al-Khattab r.huma
katanya, "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةٍ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، وَإِقَامُ
الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَحَجِّ الْبَيْتِ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ.

"Islam didirikan atas lima (rukun): Syahadah (pengakuan) bahawa tiada tuhan
melainkan Allah dan Nabi Muhammad SAW pesuruh Allah, mendirikan solat,
mengeluarkan zakat, mengerjakan haji di Baitullah dan berpuasa pada bulan
Ramadan."

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Agama Islam diumpamakan sebagai sebuah binaan yang mempunyai struktur-struktur dasarnya. Jika teguh berdiri dasarnya, maka kekal dan selamatlah binaan tersebut. Namun jika sebaliknya, iaitu tanpa struktur-struktur asas ini, ia akan menjadi tidak kukuh dan rapuh.
2. Lima rukun Islam yang perlu dipelihara oleh setiap orang Islam ialah:
 - 1) Mengucapkan dua kalimah syahadah.
 - 2) Mendirikan solat.
 - 3) Berpuasa di bulan Ramadan.
 - 4) Mengeluarkan zakat.
 - 5) Menunaikan haji.
3. Kelima-lima ini perlu dilaksanakan dan tidak cukup untuk sekadar melaksanakan sebahagian daripadanya dengan meninggalkan sebahagian yang lain umpamanya berpuasa sahaja di bulan Ramadan tanpa mendirikan solat.

HADIS KEEMPAT: TAHAP PENCIPTAAN MANUSIA DAN KETENTUAN TAKDIR

عَنْ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: حَدَّثَنَا رَسُولُ
اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ الصَّادِقُ الْمَصْدُوقُ:

Diriwayatkan daripada Abu Abdul Rahman Abdullah bin Mas'ud r.a., katanya,
"Rasulullah SAW menceritakan kepada kami dan Baginda seorang yang benar
lagi dibenarkan:

إِنَّ أَحَدَكُمْ يُجْمَعُ خَلْقُهُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا. ثُمَّ يَكُونُ عِلَقَةً مِثْلَ ذَلِكَ.
ثُمَّ يَكُونُ مُضْغَةً مِثْلَ ذَلِكَ. ثُمَّ يُرْسِلُ اللَّهُ إِلَيْهِ الْمَلَكَ، فَيَنْفُخُ فِيهِ الرُّوحَ وَيُؤَمَّرُ
بِأَرْبَعِ كَلِمَاتٍ: بِكِتَابِ رِزْقِهِ وَأَجَلِهِ وَعَمَلِهِ وَشَقِيٍّ أَوْ سَعِيدٍ.

'Sesungguhnya seseorang daripada kamu dikumpulkan kejadiannya di dalam
perut ibunya selama 40 hari yang berupa air mani. Kemudian menjadi segumpal
darah seperti yang demikian itu. Seterusnya, menjadi seketul daging seperti yang
demikian itu juga. Setelah itu, diutuskan kepadanya malaikat, lalu ditiupkan roh
padanya dan malaikat tersebut diperintahkan menulis empat perkara; rezekinya,
umurnya, amalannya dan sengsaranya atau bahagiannya.'"

فَوَاللَّهِ الَّذِي لَا إِلَهَ غَيْرُهُ، إِنَّ أَحَدَكُمْ لَيَعْمَلُ بِعَمَلٍ أَهْلِ الْجَنَّةِ حَتَّى مَا يَكُونُ بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا إِلَّا ذِرَاعٌ، فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ، فَيَعْمَلُ بِعَمَلٍ أَهْلِ النَّارِ، فَيَدْخُلُهَا. وَإِنْ أَحَدَكُمْ لَيَعْمَلُ بِعَمَلٍ أَهْلِ النَّارِ حَتَّى مَا يَكُونُ بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا إِلَّا ذِرَاعٌ، فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ، فَيَعْمَلُ بِعَمَلٍ أَهْلِ الْجَنَّةِ، فَيَدْخُلُهَا.

“Maka, demi Allah SWT yang tiada tuhan selain-Nya, sesungguhnya seseorang daripada kamu mengerjakan amalan ahli syurga sehingga tiada jarak di antaranya dengan syurga melainkan sehasta, namun, ketentuan takdir mendahuluinya, lalu dia pun mengerjakan amalan ahli neraka, maka masuklah dia ke dalam neraka. Dan sesungguhnya seseorang daripada kamu mengerjakan amalan ahli neraka sehingga tiada jarak di antaranya dengan neraka melainkan sehasta, namun, ketentuan takdir mendahuluinya, lalu dia pun mengerjakan amalan ahli syurga, maka masuklah dia ke dalam syurga.”

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Kedudukan Nabi SAW yang begitu tinggi dalam kalangan para sahabat sehingga sahabat memuji Baginda SAW sebagai seorang yang benar dan dibenarkan.
2. Antara hikmah Allah SWT menciptakan manusia mengikut tertib dan secara beransur-ansur dari satu proses ke proses yang lain (sedangkan Dia mampu dan berkuasa sahaja menjadikannya secara cepat) adalah:
 - a) Menepati sebab dan musabab serta mukadimah dan natijah.
 - b) Allah SWT mengajarkan agar hamba-Nya tenang dan berwaspada dalam urusan tanpa sikap tergesa-gesa.
 - c) Sebagaimana kesempurnaan zahir terjadi secara beransur-ansur, sebegitu jugalah kesempurnaan maknawi. Manusia sewajarnya bertindak mengikut proses yang sebegini rupa dalam penyusunan hidupnya.
3. Saranan untuk berbuat baik terhadap ibu bapa. Semua proses yang diceritakan ini berlaku di dalam rahim seorang ibu.
4. Mengambil pengajaran tentang kematian agar kita tidak terperdaya dengan amalan-amalan baik yang dilakukan dalam kehidupan kerana kita juga perlu takut dan bimbang agar tidak ditakdirkan mati dalam keburukan.
5. Saranan agar sentiasa berdoa kepada Allah SWT supaya diteguhkan keimanan dan tidak terpesong daripada jalan hidayah.
6. Setiap yang berlaku adalah mengikut kepada qadak dan qadar Allah SWT.

HADIS KELIMA: AMALAN YANG TERTOLAK

عَنْ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ أُمِّ عَبْدِ اللَّهِ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

Diriwayatkan daripada Ummul Mukminin, Ummu Abdullah 'Aisyah r.h.a., yang mengatakan Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَحْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ، فَهُوَ رَدٌّ.

“Sesiapa yang mereka-reka dalam urusan (agama) kita ini suatu perkara yang tiada (asas dalilnya) daripada agama, maka ia ditolak.”

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.

وَفِي رِوَايَةٍ لِمُسْلِمٍ:

Dalam satu riwayat yang lain daripada Muslim, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ عَمِلَ عَمَلًا لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا، فَهُوَ رَدٌّ.

“Sesiapa yang melakukan suatu amalan yang tidak berasaskan ajaran agama kami, maka ia tertolak.”

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Islam merupakan agama yang lengkap dan sempurna yang meliputi seluruh kehidupan manusia.
2. Syariat Islam perlulah diikuti dan dipatuhi dan bukannya direka-reka dan diada-adakan syariat yang baharu.
3. Amalan yang dinilai bukan sekadar dari sudut kualiti atau kuantiti semata-mata, bahkan sejauh mana kesesuaiannya menurut ajaran Allah dan Rasul-Nya.
4. Punca berkembangnya amalan bidaah adalah disebabkan oleh kejahilan terhadap dalil-dalil dan kefahaman yang sahih terhadap al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber syariat agama Islam.
5. Kepentingan mempelajari ilmu agama daripada guru dan sumber yang benar dan berautoriti.

HADIS KEENAM: MENJAUHI PERKARA- PERKARA SYUBHAH

عَنْ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ النُّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ

Diriwayatkan daripada Abu Adillah, al-Nu'man bin Basyir r.huma, katanya, "Aku
mendengar Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الْحَلَالَ بَيِّنٌ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ، وَبَيْنَهُمَا مُشْتَبِهَاتٌ، لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ
النَّاسِ. فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ. وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ
فِي الْحَرَامِ. كَالرَّاعِي يَرْعَى حَوْلَ الْحِمَى يُوشِكُ أَنْ يَرْتَعَ فِيهِ.

'Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas, antara kedua-duanya
ada perkara-perkara yang *syubhah* (samar), tidak diketahui oleh kebanyakan
manusia. Maka, sesiapa yang memelihara (dirinya daripada) perkara-perkara
yang syubhah, sesungguhnya dia telah memelihara agama dan kehormatannya.
Sesiapa yang terjerumus ke dalam perkara-perkara yang *syubhah*, maka dia akan
terjerumus ke dalam perkara yang haram. Seperti seorang penggembala yang
menggembala di sekeliling kawasan larangan, maka lambat-laun dia mungkin
akan memasukinya.'

أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمًى، أَلَا وَإِنَّ حِمَى اللَّهِ مَحَارِمُهُ. أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً
إِذَا صَلَحَتْ، صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ. وَإِذَا فَسَدَتْ، فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ. أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ.

‘Ketahuilah bahawa setiap raja ada kawasan larangannya dan larangan Allah ialah apa yang diharamkan-Nya. Ketahuilah bahawa dalam badan manusia ada seketul daging: Sekiranya ia baik, maka baiklah keseluruhan badannya. Sekiranya ia rosak, maka rosaklah sekaliannya. Ketahuilah, ia adalah hati.’”

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Umat Islam perlu mengenal pasti kedudukan sesuatu perkara dari sudut pandang Islam, sama ada ia halal atau haram atau *syubhah*.
2. Ruang lingkup perkara yang halal adalah sangat luas dan lebih luas berbanding yang haram. Hal ini disebabkan oleh perbandingan yang dibuat oleh Rasulullah SAW yang mengumpamakan perkara-perkara yang haram hanya sebatas kawasan larangan.
3. Salah satu daripada tanda seseorang itu bersikap *wara'* ialah meninggalkan perkara *syubhah*. Keraguan dan kesamaran dalam sesuatu perkara sewajarnya ditinggalkan agar diri seseorang itu tidak terjebak ke dalam perkara-perkara yang haram.
4. Hadis ini juga menjadi dasar kepada prinsip hukum *sadd al-dzarai'* (سَدُّ الدَّرَائِعِ), iaitu menutup pintu keburukan. Pintu dan jalan yang membawa kepada perkara yang haram hendaklah ditutup.
5. Kepentingan mendapatkan makanan yang halal dan berusaha sedaya upaya memastikannya halal.
6. Saranan agar memeriksa dan memberi perhatian kepada hati agar menjaganya supaya kekal baik.
7. Permulaan hadis ini dimulakan dengan halal dan haram, kemudian diakhiri pula dengan hati yang baik atau rosak seolah-olah sebagai natijah dan pengakhirannya. Begitu juga kaitannya bahawa hati ini jika dikawal dengan baik, maka seluruhnya selamat dengan melakukan perkara yang halal dan meninggalkan perkara yang haram serta perkara yang *syubhat*.

HADIS KETUJUH: AGAMA ITU NASIHAT

عَنْ أَبِي رُقَيْةَ تَمِيمِ بْنِ أَوْسٍ الدَّارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:

Diriwayatkan daripada Abu Ruqayyah, Tamim bin Aus al-Dari r.a., bahawasanya Nabi SAW bersabda:

الدِّينُ النَّصِيحَةُ. قُلْنَا: لِمَنْ؟ قَالَ: لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِلْأَئِمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ.

“Agama itu nasihat (keprihatinan).’ Kami bertanya, ‘Bagi siapa?’ Jawab Rasulullah SAW, ‘Bagi Allah, kitab-Nya, para pemimpin kaum Muslimin dan sekalian orang Muslim.’”

رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh Muslim.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Agama itu adalah nasihat. Ia bererti agama itu terletak pada nasihat. Nasihat yang dimaksudkan adalah keprihatinan dan ketulusan hati terhadap pihak yang dinasihati.
2. Nasihat kepada Allah ialah mengikut perintah Allah, manakala nasihat kepada kitab-Nya adalah dengan membaca, memahami, tadabbur seterusnya mengamalkannya.
3. Nasihat bagi Rasul-Nya adalah dengan beriman kepadanya dan beriman bahawa Baginda adalah Rasul yang Allah SWT utus kepada segenap makhluk, mencintai dan meneladani Baginda, mempercayai apa yang Baginda sampaikan, melaksanakan perintah-perintahnya, menjauhi larangan-larangannya dan membela agamanya.
4. Nasihat bagi pemimpin kaum Muslimin adalah dengan menjelaskan kebenaran kepada mereka, membantu mereka dan menegur mereka dengan cara yang berhikmah.
5. Nasihat bagi kaum Muslimin adalah dengan berdakwah dan menyeru kepada Allah SWT, melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar, mengajarkan kebaikan kepada mereka dan lain-lainnya.
6. Hadis ini juga menunjukkan susunan berdasarkan keutamaan. Ia dimulakan dengan yang paling penting, kemudian yang penting dan begitulah seterusnya. Oleh itu, ketaatan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW adalah secara mutlak. Sebaliknya ketaatan kepada sesama manusia mesti berada di bawah naungan perintah Allah SWT dan Rasulullah SAW.

HADIS KELAPAN: KEHORMATAN SEORANG MUSLIM

عَنِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:

Diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.huma, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda:

أُمِرْتُ أَنْ أَقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَيُقِيمُوا
الصَّلَاةَ، وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ. فَإِذَا فَعَلُوا ذَلِكَ، عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ، إِلَّا بِحَقِّ
الْإِسْلَامِ، وَحِسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ تَعَالَى.

“Aku diperintahkan untuk memerangi manusia sehingga mereka bersaksi bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah dan bahawa Muhammad ialah utusan Allah, mendirikan solat dan menunaikan zakat. Apabila mereka telah melakukan perkara tersebut, darah dan harta mereka terpelihara daripadaku melainkan dengan hak Islam, dan perhitungan sebenar mereka diserahkan kepada Allah SWT.”

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Tugas para pendakwah adalah menyampaikan risalah daripada Allah SWT sebagaimana yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW.
2. Hadis ini sama sekali tidak menyeru kepada perbuatan menyerang kaum atau agama lain yang tidak melakukan kezaliman atau serangan terhadap kaum Muslimin. Islam agama yang membawa kesejahteraan dan keamanan sejagat sebagaimana jelas dalam prinsip Islam tiada paksaan dalam beragama.
3. Manusia yang diperintahkan untuk diperangi dalam hadis ini hanyalah kelompok yang menolak segala jalan perdamaian dengan melakukan permusuhan melampau. Peperangan hanya dilancarkan terhadap kelompok yang memerangi, mencabuli perjanjian dan menzalimi orang lain. Begitulah sebagaimana perkataan yang merujuk kepada kata akar **قَاتِل** dalam hadis ini bermaksud peperangan yang terjadi kerana tindak balas antara dua pihak. Keputusan untuk berperang juga ditentukan oleh pemerintah bukannya keputusan secara individu.
4. Penilaian terhadap manusia dibuat di dunia ini berdasarkan secara zahir. Oleh itu, Rasulullah SAW mengaitkan keselamatan darah dan harta mereka berdasarkan ucapan syahadah, solat dan zakat.
5. Hadis ini menunjukkan kewajipan memelihara nyawa manusia. Hukuman mati oleh pemerintah hanya dibenarkan jika seseorang itu melakukan perbuatan yang menuntut dijatuhkan hukuman seperti itu seperti membunuh orang.

HADIS KESEMBILAN: PERINTAH & LARANGAN SERTA KEHANCURAN UMAT TERDAHULU

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ صَخْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah, Abdul Rahman bin Sakhr r.a., katanya, “Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

مَا نَهَيْتُكُمْ عَنْهُ، فَاجْتَنِبُوهُ. وَمَا أَمَرْتُكُمْ بِهِ، فَأَتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ. فَإِنَّمَا أَهْلَكَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ كَثْرَةُ مَسَائِلِهِمْ وَاخْتِلَافُهُمْ عَلَى أَنْبِيَائِهِمْ.

“Perkara yang aku larang kamu lakukan, maka hendaklah kamu menjauhinya. Perkara yang aku perintahkan kamu lakukan pula, maka hendaklah kamu kerjakannya sedaya upaya kamu. Sesungguhnya golongan sebelum kamu telah binasa disebabkan banyaknya pertanyaan mereka (yang tidak berfaedah) dan perselisihan mereka dengan nabi-nabi mereka.”

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Allah SWT tidak akan melarang sesuatu melainkan terdapat mudarat pada perkara tersebut. Oleh itu, Allah SWT memerintahkan agar menjauhi kesemua larangan tersebut secara menyeluruh.
2. Pensyariatkan dalam agama Islam dibina atas dasar yang mudah. Lalu, Allah SWT memerintahkan para hamba-Nya agar melaksanakan perintah-Nya menurut kemampuan diri. Sebagai contoh, jika seseorang tidak mampu untuk solat secara berdiri, maka dia diizinkan untuk solat dalam keadaan duduk.
3. Islam melarang penganutnya untuk banyak bertanya dengan bertujuan untuk tidak melaksanakan perintah tersebut. Hal ini demikian kerana ia tidak membuahkan amalan, sebaliknya membuka ruang kejahatan dan kemalasan.

Jauhi sebarang bentuk pertanyaan dengan niat yang tidak baik serta berbantah-bantah pendapat kerana kejahilan dan kezaliman disebabkan hawa nafsu.

HADIS KE-10: BAIK DAN HALAL, SYARAT DOA DITERIMA

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a., Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا. وَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ.

“Sesungguhnya, Allah SWT itu Maha Baik dan Dia hanya menerima sesuatu yang baik. Sesungguhnya Allah SWT memerintahkan orang Mukmin dengan perkara yang Dia perintahkan kepada para rasul.

فَقَالَ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا.

Allah SWT berfirman, ‘Wahai sekalian Rasul, makanlah daripada benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh.’ (Surah al-Mu’minun 23: 51)

وَقَالَ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ

“Allah SWT berfirman, ‘Wahai orang-orang yang beriman, makanlah daripada benda-benda yang baik (lagi halal) yang telah Kami berikan kepada kamu.’ (Surah al-Baqarah 2: 172)

ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلُ يُطِيلُ السَّفَرَ: أَشْعَثَ أَغْبَرَ، يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ: يَا رَبَّ يَا رَبَّ، وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ، وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ، وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ، وَغُذِيَ بِالْحَرَامِ، فَأَنَّى يُسْتَجَابُ لِذَلِكَ؟

“Kemudian Rasulullah SWT menceritakan perihal seorang lelaki yang menempuh perjalanan jauh, kusut-masai dan berdebu, dia menadah kedua-dua tangannya ke langit (sambil berdoa), ‘Wahai Tuhanku! Wahai Tuhanku!’ Sedangkan makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram dan dia pun diberi makan dengan makanan yang haram. Maka, bagaimana mungkin akan doanya diperkenankan?”

رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh Muslim.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Hadis ini merupakan satu didikan buat orang-orang Muslim agar membersihkan dan menyucikan hatinya, lidahnya dan tubuh badannya. Allah SWT tidak akan menerima sama sekali sesuatu perkara yang tidak baik mengikut penilaian-Nya.
2. Antara sebab sesuatu doa itu tidak dimakbulkan oleh Allah SWT adalah disebabkan seseorang itu makan dan minum daripada sumber yang haram. Demikian juga pakaiannya daripada yang haram dan dipelihara dari kecil hingga dewasa dengan perkara yang haram.
3. Kita hendaklah berdoa dengan bersungguh-sungguh serta mengharapkan sepenuh hati agar Allah SWT memakbulkan doa tersebut.
4. Islam mengajar umatnya agar mengambil berat urusan dunia ini. Hal ini disebabkan dalam beribadah kepada Allah SWT, urusan keduniaan akan memberi kesan terhadap ibadah yang dilakukan. Seandainya seseorang yang beribadah tetapi hubungannya dengan manusia dan kehidupannya tidak selari dengan kehendak Allah SWT, maka perkara ini menghalang kesempurnaan dan keberkatan dalam kehidupan.

HADIS KE-11: TINGGALKAN PERKARA YANG MERAGUKAN

عَنْ أَبِي مُحَمَّدٍ الْحَسَنِ بْنِ عَلِيٍّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ سِبْطِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَرِيحَانَتِهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ:

Diriwayatkan daripada Abu Muhammad al-Hasan bin Ali bin Abi Talib r.huma, cucu Rasulullah SAW dan kesayangannya r.huma, katanya:

إِنَّ أَحَدَكُمْ يُجْمَعُ خَلْقُهُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا. ثُمَّ يَكُونُ عِلْقَةً مِثْلَ ذَلِكَ. ثُمَّ يَكُونُ مُضْغَةً مِثْلَ ذَلِكَ. ثُمَّ يُرْسِلُ اللَّهُ إِلَيْهِ الْمَلَكَ، فَيَنْفُخُ فِيهِ الرُّوحَ وَيُؤَمِّرُ بِأَرْبَعِ كَلِمَاتٍ: بِكُتُبِ رِزْقِهِ وَأَجَلِهِ وَعَمَلِهِ وَشَقِيٍّ أَوْ سَعِيدٍ.

‘Sesungguhnya seseorang daripada kamu dikumpulkan kejadiannya di dalam perut ibunya selama 40 hari yang berupa air mani. Kemudian menjadi segumpal darah seperti yang demikian itu. Seterusnya, menjadi seketul daging seperti yang demikian itu juga. Setelah itu, diutuskan kepadanya malaikat, lalu ditiupkan roh padanya dan malaikat tersebut diperintahkan menulis empat perkara; rezekinya, umurnya, amalannya dan sengsaranya atau bahagiannya.’”

فَوَاللَّهِ الَّذِي لَا إِلَهَ غَيْرُهُ، إِنَّ أَحَدَكُمْ لَيَعْمَلُ بِعَمَلٍ أَهْلِ الْجَنَّةِ حَتَّى مَا يَكُونُ بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا إِلَّا ذِرَاعٌ، فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ، فَيَعْمَلُ بِعَمَلٍ أَهْلِ النَّارِ، فَيَدْخُلُهَا. وَإِنَّ أَحَدَكُمْ لَيَعْمَلُ بِعَمَلٍ أَهْلِ النَّارِ حَتَّى مَا يَكُونُ بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا إِلَّا ذِرَاعٌ، فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ، فَيَعْمَلُ بِعَمَلٍ أَهْلِ الْجَنَّةِ، فَيَدْخُلُهَا.

“Maka, demi Allah SWT yang tiada tuhan selain-Nya, sesungguhnya seseorang daripada kamu mengerjakan amalan ahli syurga sehingga tiada jarak di antaranya dengan syurga melainkan sehasta, namun, ketentuan takdir mendahuluinya, lalu dia pun mengerjakan amalan ahli neraka, maka masuklah dia ke dalam neraka. Dan sesungguhnya seseorang daripada kamu mengerjakan amalan ahli neraka sehingga tiada jarak di antaranya dengan neraka melainkan sehasta, namun, ketentuan takdir mendahuluinya, lalu dia pun mengerjakan amalan ahli syurga, maka masuklah dia ke dalam syurga.”

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Kedudukan Nabi SAW yang begitu tinggi dalam kalangan para sahabat sehingga sahabat memuji Baginda SAW sebagai seorang yang benar dan dibenarkan.
2. Antara hikmah Allah SWT menciptakan manusia mengikut tertib dan secara beransur-ansur dari satu proses ke proses yang lain (sedangkan Dia mampu dan berkuasa sahaja menjadikannya secara cepat) adalah:
 - a) Menepati sebab dan musabab serta mukadimah dan natijah.
 - b) Allah SWT mengajarkan agar hamba-Nya tenang dan berwaspada dalam urusan tanpa sikap tergesa-gesa.
 - c) Sebagaimana kesempurnaan zahir terjadi secara beransur-ansur, sebegitu jugalah kesempurnaan maknawi. Manusia sewajarnya bertindak mengikut proses yang sebegini rupa dalam penyusunan hidupnya.
3. Saranan untuk berbuat baik terhadap ibu bapa. Semua proses yang diceritakan ini berlaku di dalam rahim seorang ibu.
4. Mengambil pengajaran tentang kematian agar kita tidak terperdaya dengan amalan-amalan baik yang dilakukan dalam kehidupan kerana kita juga perlu takut dan bimbang agar tidak ditakdirkan mati dalam keburukan.
5. Saranan agar sentiasa berdoa kepada Allah SWT supaya diteguhkan keimanan dan tidak terpesong daripada jalan hidayah.
6. Setiap yang berlaku adalah mengikut kepada qadak dan qadar Allah SWT.

HADIS KE-12: TINGGALKAN PERKARA YANG TIDAK BERMANFAAT

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a., Rasulullah SAW bersabda:

مِنْ حُسْنِ إِسْلَامِ الْمَرْءِ تَرْكُهُ مَا لَا يَغْنِيهِ.

“Antara keindahan Islam dalam diri seseorang adalah meninggalkan perkara yang tidak berfaedah baginya.”

حَدِيثٌ حَسَنٌ. رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَغَيْرُهُ.

Hadis *hasan*. Hadis ini diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan selainnya.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Hadis ini menggalakkan seseorang agar meningkatkan keelokan dan kebaikan keislamannya dengan sedaya upaya.
2. Seorang Muslim seharusnya sentiasa bermusahabah diri untuk melakukan perkara-perkara yang berfaedah serta memperbaiki diri sendiri. Bukan juga dengan menyibukkan diri mencari-cari keburukan dan keaiban orang lain.
3. Hadis ini mendidik kita agar menghargai waktu dan mengisinya dengan perkara-perkara yang bermanfaat. Dengan menyedari perkara ini, kita akan lebih menyibukkan diri dengan perkara-perkara yang baik dan memberi manfaat untuk dunia dan akhirat kita.
4. Hadis ini tidak bermaksud kita perlu meninggalkan konsep amar makruf nahi mungkar atau tidak mengambil peduli terhadap apa-apa yang berlaku dalam masyarakat sekeliling. Sebaliknya, ia perlu bergerak seiring dengan hadis ini.

HADIS KE-13: SALING MENGASIHI SESAMA MUSLIM

عَنْ أَبِي حَمْزَةَ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، خَادِمِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:

Diriwayatkan daripada Abu Hamzah Anas bin Malik r.a., khadam Rasulullah SAW,
daripada Nabi Muhamad SAW bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ.

“Tidak sempurna iman seseorang daripada kamu sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri.”

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Hadis ini membimbing kita agar mengeratkan hubungan sesama masyarakat, berkasih sayang dan saling mencintai. Mencintai kebaikan untuk orang lain merupakan antara tanda-tanda kesempurnaan iman seseorang.
2. Hadis ini juga memberi kefahaman bahawa mengharapkan kemudaran dan keburukan terhadap orang lain adalah tanda kecacatan iman yang ada pada dirinya. Keadaan ini terbit daripada perasaan hasad, cemburu dan dendam yang telah menakluk dirinya.
3. Pengertian hadis ini juga tidak terhad kepada urusan dunia seperti perniagaan dan keuntungan bersifat material sahaja, bahkan hadis ini meliputi perkara-perkara duniawi dan ukhrawi. Justeru, suka dan gembira dengan kurniaan hidayah orang lain dan istiqamah mereka atas jalan kebenaran juga termasuk dalam hadis ini.
4. Kebahagiaan hidup bukan sekadar dikecapi dengan meraih apa yang kita mahu, sebaliknya kebahagiaan juga dapat dikecapi apabila melihat saudara kita mencapai sesuatu yang baik bagi dirinya, sekalipun kita sendiri tidak meraihnya.

HADIS KE-14: LARANGAN BERZINA, MEMBUNUH DAN MURTAD

عَنِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Diriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud r.a., katanya, "Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَحِلُّ دَمُ امْرِئٍ مُسْلِمٍ إِلَّا بِأَحَدٍ ثَلَاثٍ: الثَّيِّبُ الزَّانِي، وَالنَّفْسُ بِالنَّفْسِ، وَالتَّارِكُ
لِدِينِهِ الْمَفَارِقُ لِلْجَمَاعَةِ.

'Tidak halal (menumpahkan) darah seorang Muslim kecuali disebabkan salah satu perkara daripada tiga perkara ini: Orang yang telah berkahwin yang melakukan perzinaan, orang yang membunuh orang lain (dengan sengaja) dan orang yang meninggalkan agamanya dengan memisahkan dirinya daripada jemaah (umat Islam).''

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Pada asasnya, darah seorang Muslim adalah terpelihara. Darah seorang Muslim tidak boleh ditumpahkan dalam keadaan *syubhah*, bahkan mestilah dibuktikan dengan yakin. Hukuman juga mestilah ditetapkan dan dilaksanakan oleh pemerintah yang berautoriti.
2. Islam menetapkan hukuman yang tegas terhadap jenayah yang sangat berat sehingga pemerintah berhak melakukan hukuman bunuh terhadap pelaku. Dalam hadis ini, tiga kesalahan utama tersebut ialah penzina yang telah berkahwin, pembunuh dan orang yang murtad.
3. Tiga kesalahan berat yang telah dilakukan oleh seorang Muslim menunjukkan betapa agama Islam sangat menitikberatkan kepentingan menjaga akidah, maruah dan nyawa.
4. Berdasarkan hadis ini juga dapat difahami bahawa Islam mengajarkan umatnya agar memelihara kehormatan diri dengan tidak berzina, memelihara diri dengan tidak membunuh dan memelihara agama dengan tidak keluar daripada Islam.

HADIS KE-15: BERKATA BAIK, MENGHORMATI JIRAN DAN TETAMU

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a., daripada Rasulullah SAW yang bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، فَلْيُكَلِّمْ جَارَهُ. وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، فَلْيُكَلِّمْ ضَيْفَهُ.

“Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia berkata baik ataupun diam. Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia memuliakan jiran. Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia memuliakan tetamu.”

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Hadis ini menjelaskan bahawa amalan ialah sebahagian daripada iman. Oleh sebab itu, terdapat keterikatan antara amalan dengan keimanan kepada Allah SWT dan hari akhirat. Ia menunjukkan bahawa orang beriman seharusnya sentiasa menjaga lidahnya, memuliakan jirannya dan juga tetamunya.
2. Hadis ini membicarakan hak-hak Allah SWT dan hak-hak manusia. Bercakap baik atau diam merupakan antara hak-hak Allah SWT, manakala memuliakan tetamu dan jiran adalah antara hak-hak sesama manusia. Islam mendidik umat Islam agar menunaikan hak-hak tersebut dengan sebaik yang mungkin.
3. Daripada hadis ini juga difahami bahawa kita dilarang menghamburkan kata-kata yang jahat dan buruk serta menghina dan mencaci orang lain termasuklah jiran dan tetamu, termasuklah tidak menghormati dan menceroboh hak mereka.
4. Memuliakan seseorang meliputi beberapa perkara yang berkaitan termasuklah memberi salam, berbuat ihsan, menutup keaibannya, menasihatinya, menunaikan hajatnya dan menggembirakannya. Semua ini terkandung di bawah maksud “memuliakan.”

HADIS KE-16: MENJAUHI SIFAT PEMARAH

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَجُلًا قَالَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَوْصِنِي، قَالَ:

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawasanya seorang lelaki telah berkata kepada Nabi Muhammad SAW, "Berilah pesanan kepadaku." Nabi SAW menjawab:

لَا تَغْضَبْ. فَرَدَّدَ مَرَّارًا. قَالَ: لَا تَغْضَبْ.

"Janganlah kamu marah." Lantas, dia mengulang pertanyaannya berulang kali. Sabda Nabi Muhamad SAW, "Janganlah kamu marah."

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Hadis ini menggalakkan kita meminta nasihat daripada orang lain untuk memperbaiki diri. Ia dapat dilihat bagaimana lelaki tersebut meminta nasihat daripada Rasulullah SAW.
2. Dalam menyampaikan nasihat kepada seseorang, sewajarnya kita memilih perkataan yang ringkas dan bersesuaian dengan keadaan. Inilah sebagaimana yang dapat dipelajari daripada nasihat Rasulullah SAW kepada lelaki tersebut.
3. Soalan dan jawapan yang berulang kali dalam hadis ini menunjukkan betapa berbahayanya sifat marah.
4. Hadis ini mengajak kita agar menghiasi diri dengan akhlak yang baik. Hal ini demikian kerana akhlak yang baik akan musnah apabila kemarahan menguasai diri. Sifat marah tidak mampu menyelesaikan masalah dan tidak pula memudahkan urusan, sebaliknya ia semakin merumitkan keadaan dan menyusahkan urusan.
5. “Janganlah kamu marah” dalam hadis ini mempunyai dua makna:
 - a) Berusahalah bersungguh-sungguh agar tidak marah sama sekali.
 - b) Apabila dalam keadaan marah, maka janganlah melakukan apa-apa tindakan yang akan membuatkan kita menyesal selepas itu.

HADIS KE-17: BERBUAT IHSAN DALAM SEMUA PERKARA

عَنْ أَبِي يَعْلَى شَدَّادِ بْنِ أَوْسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:

Diriwayatkan daripada Abu Ya'la, Syaddad bin Aus r.a., daripada Rasulullah SAW, Baginda bersabda:

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ. فَإِذَا قَتَلْتُمْ، فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ. وَإِذَا ذَبَحْتُمْ،
فَأَحْسِنُوا الذَّبْحَةَ. وَلِيُجِدَّ أَحَدُكُمْ شَفْرَتَهُ، وَلِيُرِيحَ ذَبِيحَتَهُ.

“Sesungguhnya Allah SWT mewajibkan berbuat ihsan dalam setiap perkara. Oleh itu, jika kamu membunuh, maka pereloklah pembunuhan. Apabila kamu menyembelih, maka pereloklah penyembelihan. Hendaklah kamu menajamkan mata pisau dan menyenangkan (menyegerakan kematian) haiwan sembelihan.”

رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh Muslim.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Ihsan dalam hadis ini bermaksud melakukan sesuatu perkara dengan penuh tekun dan bersungguh-sungguh. Ihsan dalam penyembelihan adalah dengan tidak mengambil masa yang lama untuk mematikannya agar haiwan tersebut tidak terlalu sakit.
2. Hadis ini juga menunjukkan bahawa Islam memberikan penekanan terhadap matlamat dan cara. Islam bukan sekadar berbicara tentang matlamat yang ingin dicapai, malah Islam memberi penumpuan terhadap bagaimana untuk mencapai matlamat tersebut. Oleh yang demikian, dalam mencapai sesuatu matlamat yang baik, pastikan cara yang dilakukan juga ialah cara yang baik dan diredai oleh Allah SWT.
3. Hadis ini merupakan bukti penting betapa Islam merupakan agama rahmat dan kasih sayang. Islam memberi perhatian terhadap hak-hak binatang, maka hak-hak tersebut perlulah dipenuhi oleh manusia. Dengan garis panduan dan keprihatinan sebegini rupa, tidak tepatlah sekiranya Islam dituduh melakukan kezaliman dan keganasan terhadap haiwan apatah lagi manusia.
4. Dalam hadis ini juga dapat dipelajari bagaimana kaedah dan konsep pendidikan yang diajarkan Baginda Nabi SAW. Nabi SAW menyatakan konsep ihsan pada permulaan, kemudian diikuti pula dengan contoh memperelok pembunuhan. Malah selepas itu, dijelaskan lagi dengan cara praktikal kepada contoh tersebut, iaitu dengan menajamkan mata pisau dan menyegerakan kematian haiwan sembelihan.

HADIS KE-18: TAKWA DAN AKHLAK MULIA

عَنْ أَبِي ذَرٍّ جُنْدُبِ بْنِ جُنَادَةَ وَأَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا،
أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:

Diriwayatkan daripada Abu Dzar Jundub bin Junadah dan Abu Abdul Rahman Mu'adz bin Jabal r.huma bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

اتَّقِ اللَّهَ حَيْثُمَا كُنْتَ، وَاتَّبِعِ السَّيِّئَةَ الْحَسَنَةَ تَمَحُّهَا، وَخَالِقِ النَّاسَ بِخُلُقٍ حَسَنٍ.

Bertakwalah kepada Allah di mana sahaja kamu berada. Susulilah kejahatan yang kamu lakukan dengan melakukan kebaikan, nescaya kebaikan itu akan menghapuskan kejahatan tersebut. Bergaulah sesama manusia dengan akhlak yang baik.”

رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَقَالَ: حَدِيثٌ حَسَنٌ ، وَفِي بَعْضِ النُّسخِ: حَسَنٌ صَحِيحٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Tirmizi. Kata beliau, “Hadis ini *hasan*.” Dalam sebahagian naskhah, *hasan sahih*.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Hadis ini menjelaskan tiga kategori hak, iatu:
 - a) Hak Allah SWT, iaitu bertakwa kepada Allah SWT.
 - b) Hak diri sendiri, iaitu menyusuli kejahatan dengan kebaikan.
 - c) Hak manusia, iaitu bergaul sesama manusia dengan akhlak yang baik.
2. Takwa kepada Allah SWT tidak terikat dengan masa dan tempat, bahkan ia perlu dilakukan pada setiap detik dan ketika. Sifat takwa ini perlu disuburkan agar seseorang hamba Allah SWT itu dapat menghindari diri daripada melakukan maksiat.
3. Hadis ini memperlihatkan sifat rahmat Allah SWT terhadap para hamba-Nya. Sekalipun manusia melakukan kesalahan dan dosa, Allah SWT memberikan peluang kepada hamba-Nya untuk memadamkan kesalahan tersebut dengan melakukan kebaikan.
4. Hadis ini menganjurkan sifat baik kepada manusia lain tanpa mengira pangkat, kedudukan, bangsa mahupun agama. Di mana pun kita berada, akhlak mulia sentiasa menjadi identiti dan pakaian diri kita.

HADIS KE-19: JAGALAH ALLAH, NESCAYA ALLAH MENJAGAMU

عَنْ أَبِي الْعَبَّاسِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: كُنْتُ خَلْفَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ لِي:

Diriwayatkan daripada Abu al-'Abbas 'Abdullah bin 'Abbas r.huma, katanya, "Aku pernah duduk di belakang Nabi SAW (di atas tunggangan) lalu Baginda bersabda:

يَا غُلَامُ، إِنِّي أَعَلَّمُكَ كَلِمَاتٍ: احْفَظِ اللَّهَ، يَحْفَظْكَ. احْفَظِ اللَّهَ، تَجِدْهُ
تُجَاهَكَ. إِذَا سَأَلْتَ، فَاسْأَلِ اللَّهَ. وَإِذَا اسْتَعَنْتَ، فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ.

'Wahai anak muda, sesungguhnya aku akan mengajar kamu beberapa perkara: Peliharalah Allah SWT, nescaya Dia akan memelihara kamu. Peliharalah Allah SWT, nescaya kamu akan mendapati Dia berada di hadapan kamu. Apabila kamu meminta, maka mintalah kepada Allah SWT. Apabila kamu memohon pertolongan, maka mohonlah pertolongan kepada Allah SWT.

وَأَعْلَمْ أَنَّ الْأُمَّةَ لَوِ اجْتَمَعَتْ عَلَى أَنْ يَنْفَعُوكَ بِشَيْءٍ، لَمْ يَنْفَعُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ
كَتَبَهُ اللَّهُ لَكَ. وَإِنْ اجْتَمَعُوا عَلَى أَنْ يَضُرُّوكَ بِشَيْءٍ، لَمْ يَضُرُّوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ
كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَيْكَ. رُفِعَتِ الْأَقْلَامُ وَجَفَتِ الصُّحُفُ.

'Ketahuilah, sesungguhnya suatu umat, sekiranya mereka bersepakat untuk memberi sesuatu manfaat kepada kamu, mereka tidak akan memberi sebarang manfaat melainkan sesuatu yang telah ditetapkan oleh Allah SWT kepada kamu. Sekiranya umat ini bersepakat untuk memudaratkan kamu, mereka tidak boleh memberi mudarat kepada kamu melainkan sesuatu yang telah ditetapkan oleh Allah SWT kepada kamu. Telah diangkat pena dan telah kering lembaran."

رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَقَالَ: حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Tirmizi. Kata beliau, “Hadis *hasan sahih*.”

وَفِي رِوَايَةٍ غَيْرِ التِّرْمِذِيِّ:

Dalam riwayat selain al-Tirmizi:

احْفَظِ اللَّهَ، تَجِدْهُ أَمَامَكَ. تَعْرِفْ إِلَى اللَّهِ فِي الرَّخَاءِ، يَعْرِفَكَ فِي الشَّدَّةِ.
وَاعْلَمْ أَنَّ مَا أَخْطَأَكَ، لَمْ يَكُنْ لِيُصِيبَكَ. وَمَا أَصَابَكَ، لَمْ يَكُنْ لِيُخْطِئَكَ.
وَاعْلَمْ أَنَّ النَّصْرَ مَعَ الصَّبْرِ، وَأَنَّ الْفَرْجَ مَعَ الْكَرْبِ، وَأَنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا.

“Peliharalah Allah SWT, nescaya kamu akan mendapati Allah SWT berada di hadapan kamu. Kenalilah Allah SWT sewaktu senang, nescaya Dia akan mengenali kamu sewaktu susah. Ketahuilah bahawa apa yang (ditakdirkan) tidak menimpamu, ia pasti tidak akan menimpa kamu. Namun apa-apa yang menimpa kamu, ia bukanlah tersalah menimpa kamu. Ketahuilah, sesungguhnya kemenangan itu bersama dengan kesabaran, kelapangan itu bersama dengan kesusahan dan kesusahan itu bersama kesenangan.”

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Hadis ini mengajar kita untuk memberi nasihat kepada anak muda dengan bahasa dan cara yang baik sepertimana Rasulullah SAW yang menasihati Ibnu Abbas r.huma. Pemilihan kata-kata yang ringkas membuatkan pengajaran menjadi lebih mudah untuk difahami dan dihafaz.
2. Hadis ini menunjukkan bahawa perhatian yang tinggi perlu diberikan kepada anak-anak sejak kecil lagi sebagaimana Rasulullah SAW menanamkan pengajaran akidah yang kukuh dalam hadis ini. Sifat Rasulullah SAW sebagai *murabbi* kepada para sahabatnya tidak kira sama ada yang dewasa mahupun kecil haruslah menjadi teladan dan ikutan.
3. “Peliharalah Allah” dalam hadis ini bermaksud menjaga segala batasan dan syariat-Nya. Hal ini dapat dicapai dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.
4. Anjuran Baginda SAW supaya menggantungkan harapan kepada Allah SWT menyuburkan sifat kehambaan kita. Sesungguhnya, Allah SWT berkuasa ke atas setiap sesuatu dan tiada kuasa lain yang mampu menandingi-Nya.
5. Makhluk dan sesiapa pun tidak boleh memberi manfaat dan mudarat terhadap seseorang melainkan dengan izin Allah SWT.
6. Memohon permohonan dan doa kepada Allah SWT perlu sentiasa diingatkan agar kompas hati sentiasa ditujukan kepada Allah SWT dengan penuh pengharapan. Sesiapa yang memohon doa dan permintaan kepada selain Allah SWT, maka dia telah melakukan syirik kepada Allah SWT.
7. Hadis ini menunjukkan bahawa kehidupan di dunia ini berputar antara kesusahan, kemudian diikuti dengan kesenangan dan kesempitan diikuti dengan keluasan. Justeru, sesiapa yang menyedari hakikat ini, dia akan tenang dalam mengharungi setiap kesulitan dalam hidup.

HADIS KE-20: KEUTAMAAN SIFAT MALU

عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ عُقْبَةَ بْنِ عَمْرِو الْأَنْصَارِيِّ الْبَدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ
رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

Diriwayatkan daripada Abu Mas'ud 'Uqbah bin 'Amru al-Anshari al-Badri r.a.,
katanya, "Rasulullah bersabda:

إِنَّ مِمَّا أَدْرَكَ النَّاسُ مِنْ كَلَامِ النَّبِيِّ الْأُولَى: إِذَا لَمْ تَسْتَحْيَ، فَاصْنَعْ مَا شِئْتَ.

'Sesungguhnya antara perkara yang dapat diketahui oleh manusia tentang kata-kata para nabi terdahulu, 'Apabila kamu tidak berasa malu, maka lakukanlah apa-apa sahaja yang kamu mahu.'"

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Hadis ini mengingatkan kita agar memelihara akhlak mulia dan mempertahankannya pada setiap masa termasuklah menghiasi diri dengan sifat malu ini.
2. Tidak malu bererti tidak sopan, tidak beradab, tidak berbudi pekerti dan tidak mempunyai tata tertib. Sekiranya semua ini sudah tiada lagi, maka seseorang akan melakukan apa-apa sahaja yang diingini tanpa memikirkan kesan dan akibat perbuatannya itu.
3. Seseorang yang mempunyai sifat malu mampu menjaga diri dan maruah dirinya daripada melakukan perkara yang bercanggah dengan norma-norma kehidupan dan syariat Allah SWT. Justeru, apabila seseorang telah kehilangan sifat malu dalam dirinya, maka segala keburukan dan kejahatan akan berhimpun dalam dirinya.
4. Sifat malu yang dimaksudkan dalam hadis ini tidak dimaksudkan dengan sifat malu untuk melakukan kebaikan dan ketaatan. Sebaliknya, sifat malu yang dimaksudkan dalam hadis ini adalah malu untuk melakukan kesalahan, dosa dan maksiat.

HADIS KE-21: IMAN DAN ISTIQAMAH

عَنْ أَبِي عَمْرٍو - وَقِيلَ أَبِي عَمْرَةَ - سُفْيَانَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ الثَّقَفِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قُلْتُ:

Diriwayatkan daripada Abu 'Amru, satu pendapat mengatakan Abu 'Amrah – Sufyan bin Abdullah al-Tsaqafi r.a. berkata, “Aku berkata:

يَا رَسُولَ اللَّهِ، قُلْ لِي فِي الْإِسْلَامِ قَوْلًا لَا أَسْأَلُ عَنْهُ أَحَدًا غَيْرَكَ. قَالَ: قُلْ آمَنْتُ بِاللَّهِ،
ثُمَّ اسْتَقِمَّ.

‘Wahai Rasulullah, beritahulah kepada aku tentang Islam dengan satu ungkapan yang tidak perlu aku tanyakan lagi kepada sesiapa pun selainmu.’ Rasulullah SAW menjawab, ‘Katakanlah, ‘Saya beriman kepada Allah’, kemudian hendaklah kamu beristiqamah.’”

رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh Muslim.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Hadis ini mengumpulkan maksud iman secara menyeluruh:
 - a) Pengakuan dengan lidah bahawa “saya beriman kepada Allah SWT.”
 - b) Kepercayaan dalam hati bahawa “saya beriman kepada Allah SWT.”
 - c) Perbuatan dengan anggota badan dengan istiqamah melakukan perintah Allah SWT.
2. Hadis ini juga menunjukkan bahawa iman dan istiqamah merupakan suatu perkara yang besar dan penting kerana sahabat yang bertanya juga telah memastikan agar tidak perlu lagi ditanya kepada orang lain.
3. Perkataan istiqamah mengandungi unsur mujahadah. Istiqamah terhadap agama tidak akan datang melainkan selepas kesusahan dan kesabaran. Istiqamah juga membawa erti seseorang itu berterusan mentaati Allah SWT dari aspek akidah, perkataan dan perbuatan.
4. Istiqamah merupakan satu tuntutan untuk berpegang teguh dengan perintah Allah SWT dalam setiap keadaan, sama ada ketika susah atau senang, berseorangan atau kumpulan mahupun menang atau kalah. Oleh itu, istiqamah ialah keteguhan diri yang tidak mungkin boleh ditukar ganti dengan keduniaan kerana matlamat yang dicari ialah keredaan Allah SWT.
5. Hadis ini juga menggesa supaya segala kebaikan atau amalan termasuk pekerjaan dan perkhidmatan yang dilakukan hendaklah dalam istiqamah dengan menghindarkan segala sifat-sifat mazmumah seperti malas, putus asa, semangat yang seketika dan mudah luntur kerana ia boleh menafikan maksud dan matlamat istiqamah.

HADIS KE-22: SYARAT ASAS MASUK SYURGA

عَنْ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: أَنَّ رَجُلًا سَأَلَ رَسُولَ
اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ:

Diriwayatkan daripada Abu Abdullah Jabir bin Abdullah al-Anshari r.huma.,
sesungguhnya seorang lelaki bertanya kepada Nabi Muhammad SAW, katanya:

أَرَأَيْتَ إِذَا صَلَّيْتُ الْمَكْتُوباتِ، وَصُمْتُ رَمَضَانَ، وَأَحْلَلْتُ الْحَلَالَ، وَحَرَّمْتُ الْحَرَامَ،
وَلَمْ أَزِدْ عَلَى ذَلِكَ شَيْئًا، أَأَدْخُلُ الْجَنَّةَ؟

“Apakah pandangan tuan jika aku mengerjakan solat-solat fardu, aku berpuasa pada
bulan Ramadan, aku menghalalkan perkara yang halal dan aku mengharamkan
perkara yang haram, dan juga aku tidak menambah lagi sesuatu pun, adakah aku
akan masuk syurga?”

قَالَ: نَعَمْ.


Rasulullah SAW menjawab, “Ya.”

رَوَاهُ مُسْلِمٌ. وَمَعْنَى حَرَّمْتُ الْحَرَامَ: اجْتَنَبْتُهُ، وَمَعْنَى أَحْلَلْتُ الْحَلَالَ:
فَعَلْتُهُ مُعْتَقِدًا حِلَّهُ، وَاللَّهُ أَعْلَمُ.

Hadis ini diriwayatkan oleh Muslim. Maksud kata-kata “aku mengharamkan perkara
yang haram” ialah aku menjauhinya. Maksud “aku menghalalkan perkara yang halal”
ialah aku melakukannya di samping meyakini ia halal. Wallahua‘lam.

Antara pelajaran yang boleh kita dapati daripada hadis ini ialah:

1. Asas beribadat kepada Allah SWT adalah dengan menjaga amal ibadat yang fardu dan meninggalkan perkara yang haram.
2. Seseorang mestilah berusaha untuk melaksanakan tuntutan wajib dengan segala kemampuan yang ada, walaupun tidak berkesempatan melakukan perkara yang sunat.
3. Adapun begitu, seorang Muslim yang benar-benar mengharapkan kejayaan dan mencapai kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT sudah pasti berusaha sedaya upaya untuk mengerjakan amalan sunat dan menjauhi perkara yang makruh.
4. Iman seseorang berada pada tahap yang berbeza. Sebahagian orang bersungguh-sungguh bagi mencapai kedudukan yang paling tinggi manakala sebahagian orang pula mampu melakukan pada tahap yang paling minimum.
5. Orang yang berilmu mesti meraikan perbezaan yang ada antara manusia. Dia hendaklah membimbing seseorang berdasarkan tahap orang bertanya. Ini dicontohi oleh jawapan Rasulullah SAW yang tidak membebankan orang yang bertanya dengan perkara-perkara sunat, bahkan cukup dengan perkara wajib.
6. Apabila iman seseorang berkurang, seseorang Muslim hendaklah sentiasa menjaga iman dan ibadahnya sehingga tidak mengabaikan segala kewajipan dan kefarduan. Jangan sesekali sampai ke tahap sehingga menjatuhkan diri ke dalam perkara yang dilarang dan meninggalkan perkara yang wajib.

- 
- The background of the slide is a faded, high-angle photograph of a large mosque courtyard. In the center is a tall, ornate minaret. The courtyard is filled with people, some standing and some walking. The architecture is traditional Islamic, with arched windows and doorways. The overall tone is light and airy due to the fading effect.
7. Orang yang mengharapkan syurga namun tidak melaksanakan perintah Allah SWT adalah orang yang menipu dirinya sendiri.
 8. Frasa “aku menghalalkan perkara yang halal” dan “aku mengharamkan perkara yang haram” merangkumi setiap aspek perintah Allah SWT dan tidak terhad kepada makanan dan minuman sahaja, malah meliputi aspek hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan Allah SWT.

HADIS KE-23: HIMPUNAN AMAL KEBAIKAN

عَنْ أَبِي مَالِكٍ الْحَارِثِ بْنِ عَاصِمٍ الْأَشْعَرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ:
قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

Diriwayatkan daripada Abu Dzar Jundub bin Junadah dan Abu Abdul Rahman Mu'adz bin Jabal r.huma bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

الْطُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ تَمْلَأُ الْمِيزَانَ، وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ تَمْلَأَانِ أَوْ
تَمْلَأُ مَا بَيْنَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، وَالصَّلَاةُ نُورٌ، وَالصَّدَقَةُ بُرْهَانٌ، وَالصَّبْرُ ضِيَاءٌ، وَالْقُرْآنُ
حُجَّةٌ لَكَ أَوْ عَلَيْكَ، كُلُّ النَّاسِ يَغْدُو، فَبَائِعٌ نَفْسَهُ، فَمُعْتِقُهَا أَوْ مُوْبِقُهَا.

“Kebersihan itu sebahagian daripada iman, ucapan ‘Alhamdulillah’ pahalanya memenuhi neraca timbangan, ucapan ‘Subhanallah dan Alhamdulillah’ pahala kedua-duanya memenuhi ruang antara langit dan bumi, solat ialah cahaya, sedekah ialah bukti, sabar ialah sinaran, al-Quran ialah hujah untuk kamu (pembela) atau hujah ke atas kamu (pendakwa). Setiap manusia keluar pada waktu pagi menjual dirinya, ada yang membebaskan dirinya dan ada pula yang membinasakan dirinya.”

رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh Muslim.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Islam merupakan agama yang menekankan aspek kebersihan, sama ada zahir mahupun batin sehingga Rasulullah SAW menggambarkan kebersihan sebagai sebahagian daripada iman.
2. Orang Mukmin mestilah melazimkan dirinya untuk berzikir kepada Allah SWT. Terdapat banyak sekali zikir Rasulullah SAW yang telah dihimpunkan oleh para ulama. Ia termasuklah zikir-zikir pagi dan petang yang boleh dilakukan dengan istiqamah.
3. Hampir keseluruhan amalan yang dinyatakan dalam hadis ini bersifat mudah dan tidak mudah berbanding maksiat yang lebih sukar dan memerlukan usaha serta perbelanjaan seperti berjudi, merompak, minum arak, berzina dan sebagainya. Maka bersungguh-sungguhlah memperbanyak amal ibadah yang pada hakikatnya telah pun dimudahkan oleh agama Islam itu sendiri.
4. Solat merupakan cahaya yang mampu mencegah pelakunya daripada melakukan maksiat dan membimbing ke arah kebenaran. Sedekah merupakan bukti wujudnya iman bagi orang yang bersedekah dengan hartanya. Sabar merupakan sinaran yang terhasil daripada kesungguhan jiwa pelakunya.
5. Al-Quran adalah petunjuk bagi orang yang bertakwa. Orang-orang Islam akan dipersoalkan tentang hubungannya dengan al-Quran, sama ada al-Quran menjadi penolongnya ataupun sebaliknya.
6. Sesungguhnya orang-orang mukmin adalah mulia, tinggi kedudukan dan mahal harganya. Oleh sebab itu, dia tidak akan menjual dirinya melainkan kepada Allah SWT. Mereka akan sentiasa berusaha mendapatkan keredaan Allah SWT dan menjauhkan diri daripada semua perkara yang boleh menyebabkan kemurkaan-Nya sehingga mereka berhasil mendapatkan harga yang penuh bagi diri mereka di sisi Allah SWT.

HADIS KE-24: KELUASAN LIMPAH KURNIA ALLAH SWT TERHADAP HAMBA-NYA

عَنْ أَبِي ذَرٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِيمَا يَرْوِي عَنْ
رَبِّهِ عَزَّ وَجَلَّ أَنَّهُ قَالَ:

Diriwayatkan daripada Abu Dzar r.a., daripada Nabi SAW yang diriwayatkan
daripada Allah 'Azzawajalla, sesungguhnya Allah SWT berfirman:

يَا عِبَادِي، إِنِّي حَرَمْتُ الظُّلْمَ عَلَى نَفْسِي وَجَعَلْتُهُ بَيْنَكُمْ مُحَرَّمًا، فَلَا تَظَالُمُوا.
يَا عِبَادِي، كُلُّكُمْ ضَالٌّ إِلَّا مَنْ هَدَيْتُهُ، فَاسْتَهْدُونِي، أَهْدِكُمْ. يَا عِبَادِي، كُلُّكُمْ
جَائِعٌ إِلَّا مَنْ أَطْعَمْتُهُ، فَاسْتَطْعِمُونِي، أَطْعِمْكُمْ. يَا عِبَادِي، كُلُّكُمْ عَارٍ إِلَّا مَنْ
كَسَوْتُهُ، فَاسْتَكْسُونِي، أَكْسِكُمْ. يَا عِبَادِي، إِنَّكُمْ تُخْطِئُونَ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَأَنَا
يَا عِبَادِي، إِنَّكُمْ لَنْ تَبْلُغُوا أَغْفِرَ الذُّنُوبَ جَمِيعًا، فَاسْتَغْفِرُونِي، أَغْفِرْ لَكُمْ.
ضَرِّي، فَتَضُرُّونِي. وَلَنْ تَبْلُغُوا نَفْعِي، فَتَنْفَعُونِي.

“Wahai hamba-Ku, sesungguhnya Aku haramkan kezaliman atas diri-Ku dan Aku
jadikannya perkara yang diharamkan antara kamu, maka janganlah kamu
melakukan kezaliman. Wahai hamba-Ku, kamu semua adalah sesat kecuali
sesiapa yang telah Aku berikan hidayah, maka mohonlah hidayah daripada-Ku,
nescaya Aku berikan hidayah kepadamu. Wahai hamba-Ku, kamu semua adalah
lapar kecuali sesiapa yang telah Aku beri makan, maka mintalah makanan
daripada-Ku, nescaya Aku berikan makanan kepadamu. Wahai hamba-Ku, kamu
semua bertelanjang kecuali sesiapa yang telah Aku berinya pakaian, maka
mintalah pakaian kepada Aku, nescaya Aku berikan pakaian kepada kamu. Wahai
hamba-Ku, sesungguhnya kamu semua melakukan dosa pada waktu malam dan
siang, sedangkan Aku mengampunkan segala dosa, maka mohonlah keampunan
kepada-Ku, nescaya Aku akan mengampunkan. Wahai hamba-Ku, sesungguhnya
kamu tidak mampu menyampaikan kemudaratan kepada Aku sehingga kamu
dapat mendatangkan kemudaratan itu kepada Aku. Kamu juga tidak mampu
menyampaikan manfaat kepada Aku sehingga kamu dapat memberikan manfaat
itu kepada Aku.

يَا عِبَادِي، لَوْ أَنَّ أَوْلَكُمْ وَآخِرَكُمْ وَإِنْسَكُمْ وَجَنَّكُمْ كَانُوا عَلَى اتَّقَى قَلْبِ رَجُلٍ
وَاحِدٍ مِنْكُمْ مَا زَادَ ذَلِكَ فِي مُلْكِي شَيْئًا. يَا عِبَادِي، لَوْ أَنَّ أَوْلَكُمْ وَآخِرَكُمْ
وَإِنْسَكُمْ وَجَنَّكُمْ كَانُوا عَلَى أَفْجَرِ قَلْبِ رَجُلٍ وَاحِدٍ، مَا نَقَصَ ذَلِكَ مِنْ مُلْكِي
شَيْئًا. يَا عِبَادِي، لَوْ أَنَّ أَوْلَكُمْ وَآخِرَكُمْ وَإِنْسَكُمْ وَجَنَّكُمْ قَامُوا فِي صَعِيدٍ وَاحِدٍ
فَسَأَلُونِي فَأَعْطَيْتُ كُلَّ إِنْسَانٍ مِنْهُمْ مَسْأَلَتَهُ، مَا نَقَصَ ذَلِكَ مِمَّا عِنْدِي إِلَّا كَمَا
يَنْقُصُ الْمَخِيطُ إِذَا دَخَلَ الْبَحْرَ. يَا عِبَادِي، إِنَّمَا هِيَ أَعْمَالُكُمْ أُحْصِيهَا لَكُمْ ثُمَّ
أُوقِفُكُمْ عَلَيْهَا. فَمَنْ وَجَدَ خَيْرًا، فَلْيَحْمَدِ اللَّهَ. وَمَنْ وَجَدَ غَيْرَ ذَلِكَ، فَلَا يَلُومَنَّ
إِلَّا نَفْسَهُ.

Wahai hamba-Ku, sekiranya orang-orang yang terdahulu dan terkemudian daripada kamu, daripada jenis manusia dan jin memiliki hati yang bertakwa kepada Allah seperti hati orang yang paling bertakwa daripada kalangan kamu, nescaya yang demikian itu tidak menambahkan apa-apa pun pada kerajaan-Ku. Wahai hamba-Ku, sekiranya orang-orang terdahulu dan yang terkemudian daripada kamu, daripada jenis manusia dan jin, mempunyai hati yang jahat umpama hati yang paling jahat daripada kalangan kamu, nescaya yang demikian itu tidak pula mengurangkan suatu daripada kerajaan-Ku. Wahai hamba-Ku, sekiranya orang-orang terdahulu dan yang terkemudian daripada kamu, daripada jenis manusia dan jin, berdiri di atas suatu tanah lapang, lalu masing-masing meminta kepada-Ku dan Aku beri setiap seorang itu akan permintaannya, sesungguhnya, ia tidak mengurangkan daripada apa yang ada di sisi-Ku umpama sebatang jarum yang dimasukkan ke dalam air laut. Wahai hamba-Ku, sesungguhnya segala amalan kamu akan Aku hitungkan bagi kamu, kemudian Aku sempurnakannya kepada kamu. Sesiapa yang mendapat kebaikan, maka hendaklah dia memuji Allah SWT. Sesiapa yang mendapat selain itu (keburukan), maka janganlah dia mencela (apa-apa) kecuali dirinya sendiri.”

رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh Muslim.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Allah SWT memulakan dengan “Wahai hamba-Ku” sebagai panggilan untuk semua hamba-Nya dan menandakan betapa kasih dan prihatinnya Pencipta kepada makhluk-Nya.
2. Hadis ini dengan tegas menunjukkan bahawa haram melakukan kezaliman dalam apa-apa bentuk sekalipun. Allah SWT telah mengharamkan kezaliman ke atas diri-Nya kemudian Dia mengharamkan bagi setiap manusia, maka alangkah besarnya kezaliman orang yang melampaui arahan Allah SWT ini.
3. Allah SWT memberi peringatan kepada manusia bahawa segala apa yang dikecapinya berbentuk petunjuk, makanan, pakaian dan sebagainya adalah belas kasihan daripada Allah SWT, maka tidak seharusnya seseorang itu berasa bangga dan bongkak dengan nikmat yang diperolehnya.
4. Sesungguhnya manusia berhajat kepada Allah SWT dalam segala urusan dunia. Antaranya termasuklah menghilangkan kelaparan, kehausan dan mendapatkan pakaian. Demikian jugalah manusia berhajat kepada Allah SWT dalam urusan akhirat. Antaranya termasuklah bagi memperoleh hidayah dan keampunan dosa-dosa. Sehubungan itu, hampirkanlah diri kepada Allah SWT.
5. Tidak mungkin hamba-hamba-Nya boleh memudaratkan dan memberi manfaat kepada Allah SWT kerana Dialah Tuhan Yang Maha Berkuasa sedangkan hamba-hamba-Nya amat berhajat kepada-Nya. Permohonan hamba-hamba-Nya kepada-Nya sebanyak mana sekalipun Allah SWT boleh mengurniakkannya dan tidak luak sedikit pun kekuasaan-Nya.

HADIS KE-25: SEMUANYA ADALAH SEDEKAH

عَنْ أَبِي ذَرٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَيْضًا أَنَّ نَاسًا مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالُوا لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

Diriwayatkan daripada Abu Dzar r.a. juga bahawasanya sekumpulan sahabat Rasulullah SAW telah berkata kepada Nabi Muhammad SAW:

يَا رَسُولَ اللَّهِ، ذَهَبَ أَهْلُ الدُّنْيَا بِالْأُجُورِ. يُصَلُّونَ كَمَا نُصَلِّي، وَيَصُومُونَ كَمَا نَصُومُ، وَيَتَصَدَّقُونَ بِفُضُولِ أَمْوَالِهِمْ، قَالَ: أَوَلَيْسَ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ مَا تَصَدَّقُونَ؟ إِنَّ بِكُلِّ تَسْبِيحَةٍ صَدَقَةٌ، وَكُلِّ تَكْبِيرَةٍ صَدَقَةٌ، وَكُلِّ تَحْمِيدَةٍ صَدَقَةٌ، وَكُلِّ تَهْلِيلَةٍ صَدَقَةٌ، وَأَمْرٌ بِالْمَعْرُوفِ صَدَقَةٌ، وَنَهْيٌ عَنِ مُنْكَرٍ صَدَقَةٌ، وَفِي بُضْعٍ أَحَدِكُمْ صَدَقَةٌ. قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيَّاتِي أَحَدُنَا شَهْوَتُهُ وَيَكُونُ لَهُ فِيهَا أَجْرٌ؟ قَالَ: أَرَأَيْتُمْ لَوْ وَضَعَهَا فِي حَرَامٍ، أَكَانَ عَلَيْهِ وَزْرٌ؟ فَكَذَلِكَ إِذَا وَضَعَهَا فِي الْحَلَالِ كَانَ لَهُ أَجْرٌ.

“Wahai Rasulullah, orang yang berharta telah membolot ganjaran pahala. Mereka solat sebagaimana kami solat, mereka berpuasa sebagaimana kami berpuasa dan mereka bersedekah dengan lebih harta mereka (sedang kami tidak dapat melakukannya).’ Rasulullah SAW bersabda, ‘Bukankah Allah telah menjadikan untuk kamu sesuatu yang dapat kamu sedekahkan? Sesungguhnya, setiap *tasbih* ialah sedekah, setiap *takbir* ialah sedekah, setiap *tahmid* ialah sedekah, setiap *tahlil* ialah sedekah, menyuruh kepada kebaikan ialah sedekah, mencegah kemungkaran ialah sedekah dan pada kemaluan seseorang kamu (bersetubuh dengan isteri) juga sedekah.’ Mereka bertanya, ‘Wahai Rasulullah, adakah salah seorang daripada kami yang menuruti kehendak nafsu syahwatnya pun akan memperoleh pahala?’ Rasulullah menjawab, ‘Apa pendapat kamu, sekiranya ia digunakan pada tempat yang haram, bukankah dia akan mendapat dosa? Demikian jugalah sekiranya dia menggunakannya pada tempat halal, dia mendapat pahala.’”

رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh Muslim.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Para sahabat Rasulullah SAW bersungguh-sungguh bersaing dalam kalangan mereka untuk melakukan amalan kebajikan sehingga timbul rasa sedih apabila tidak mampu melakukan kebaikan seperti yang dilakukan oleh orang lain.
2. Setiap orang berpeluang untuk melakukan kebaikan dan mendapatkan ganjaran daripada Allah SWT. Agama Islam tidak menyisihkan sesiapa pun, walau daripada kelompok mana pun seseorang itu, kaya atau miskin, lelaki atau perempuan, semuanya berpeluang untuk memperbanyak pahala berdasarkan kemampuannya.
3. Segala bentuk ucapan yang mendekatkan diri kepada Allah SWT adalah sedekah, termasuklah *tasbih*, *takbir*, *tahmid*, *tahlil* dan juga amar makruf nahi mungkar.
4. Suatu amalan boleh dijadikan ibadah dengan niat dan cara yang baik bahkan termasuklah ketika seseorang bersama dengan isterinya. Kebaikan yang dilakukan menurut kehendak syarak akan tetap diganjar walaupun memenuhi keinginan nafsu.

HADIS KE-26: CABANG PAHALA SEDEKAH

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a., yang berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

كُلُّ سُلَامَى مِنَ النَّاسِ عَلَيْهِ صَدَقَةٌ كُلَّ يَوْمٍ تَطْلُعُ فِيهِ الشَّمْسُ. يَعْدِلُ بَيْنَ اثْنَيْنِ صَدَقَةٌ. وَيُعِينُ الرَّجُلَ فِي دَابَّتِهِ، فَيَحْمِلُهُ عَلَيْهَا، أَوْ يَرْفَعُ لَهُ عَلَيْهَا مَتَاعَهُ صَدَقَةٌ. وَالْكَلِمَةُ الطَّيِّبَةُ صَدَقَةٌ. وَبِكُلِّ خُطْوَةٍ يَمْشِيهَا إِلَى الصَّلَاةِ صَدَقَةٌ. وَتَمْيِطُ الْأَذَى عَنِ الطَّرِيقِ صَدَقَةٌ.

“Setiap sendi manusia dituntut supaya bersedekah pada setiap kali terbitnya matahari. Mendamaikan antara dua orang ialah sedekah. Membantu seseorang yang berkenderaan lalu membantunya naik ke atas atau mengangkat barangnya adalah sedekah. Perkataan yang baik ialah sedekah. Setiap langkah untuk pergi menunaikan solat ialah sedekah. Menghilangkan sesuatu yang bahaya di jalan juga ialah sedekah.”

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ، وَمُسْلِمٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Setiap manusia wajib bersyukur kepada Allah SWT atas nikmat tubuh badan yang dikurniakan. Antara cara mempamerkan kesyukuran adalah dengan bersedekah, iaitu menggunakan setiap sendi tubuh badan untuk berzikir dan membantu orang lain.
2. Wajib ke atas Muslim untuk tidak meremehkan mana-mana amalan kerana Allah SWT telah menyediakan ganjaran bagi setiap amalan tersebut. Hadis ini menegaskan bahawa mengangkat barang ke atas kenderaan, membuang perkara yang berbahaya dari jalan dan sebagainya dianggap sedekah walaupun mungkin dianggap kecil dan remeh sahaja.
3. Antara tujuan terpenting yang ingin dicapai oleh Islam adalah menyatukan hati kaum Muslimin, tegaknya kebenaran di antara mereka, utuhnya barisan mereka dan kemenangan terhadap musuh. Tujuan ini tidak akan mampu direalisasikan kecuali dengan kerjasama dan tolong-menolong.
4. Cara untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT bukanlah sekadar melalui ibadah khusus sahaja. Malah, ia juga dapat dilakukan dengan memudahkan urusan orang lain dan menjaga hubungan baik dengan manusia.
5. Hadis ini menyarankan kepada setiap Muslim agar konsisten dan berterusan melakukan kebaikan pada setiap hari. Untuk melakukan kebaikan, ia tidak tertumpu pada masa tertentu atau orang tertentu sahaja. Sebaliknya, lakukanlah kebaikan pada setiap masa, tempat dan pada semua orang.

HADIS KE-27: MENGENAL KEBAIKAN DAN DOSA

عَنِ النَّوَاسِ بْنِ سَمْعَانَ الْأَنْصَارِيِّ قَالَ: سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ
الْبِرِّ وَالْإِثْمِ، فَقَالَ:

Diriwayatkan daripada al-Nawwas bin Sam'an al-Ansari r.a., kata beliau, "Aku telah bertanya kepada Rasulullah SAW tentang kebaikan dan dosa, maka jawab Baginda Nabi SAW:

الْبِرُّ حُسْنُ الْخُلُقِ. وَالْإِثْمُ مَا حَاكَ فِي صَدْرِكَ وَكَرِهْتَ أَنْ يَطَّلَعَ عَلَيْهِ النَّاسُ.

"Apakah pandangan tuan jika aku mengerjakan solat-solat fardu, aku berpuasa pada bulan Ramadan, aku menghalalkan perkara yang halal dan aku mengharamkan perkara yang haram, dan juga aku tidak menambah lagi sesuatu pun, adakah aku akan masuk syurga?"

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ، وَمُسْلِمٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh Muslim.

وَعَنْ وَابِصَةَ بْنِ مَعْبُدٍ قَالَ: أَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ:

جِئْتَ تَسْأَلُ عَنِ الْبِرِّ وَالْإِثْمِ؟ قُلْتُ: نَعَمْ.. قَالَ:

Diriwayatkan pula daripada Wabishah bin Ma'bad RA, katanya, "Aku berjumpa Rasulullah SAW lalu Baginda bertanya, 'Kamu datang untuk bertanya tentang kebaikan?' Aku menjawab, 'Ya.' Rasulullah SAW bersabda:

اسْتَفْتِ قَلْبَكَ. الْبُرُّ مَا اَظْمَأَّتْ إِلَيْهِ النَّفْسُ، وَاطْمَأَنَّ إِلَيْهِ الْقَلْبُ. وَالْإِثْمُ مَا حَاكَ فِي
النَّفْسِ، وَتَرَدَّدَ فِي الصَّدْرِ وَإِنْ أَفْتَاكَ النَّاسُ وَأَفْتَوْكَ.

'Mintalah pendapat hati kamu. Kebaikan ialah perkara yang membuatkan jiwa dan hati berasa tenang. Dosa itu pula ialah sesuatu yang meresahkan jiwa dan menimbulkan keraguan dalam dada, sekalipun ramai orang yang turut memberikan pandangan (yang berbeza).''

حَدِيثٌ حَسَنٌ. رَوَيْنَاهُ فِي مُسْنَدِي الْإِمَامَيْنِ أَحْمَدَ بْنِ حَنْبَلٍ، وَالْدَّرَايِمِيِّ بِإِسْنَادٍ حَسَنٍ.

Hadis hasan. Kami meriwayatkannya dengan sanad hasan daripada dua kitab Musnad, iaitu Imam Ahmad bin Hanbal dan Imam al-Darimi dengan sanad hasan.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Allah SWT menciptakan dalam diri manusia sifat fitrah tatkala berhadapan dengan kebaikan mahupun keburukan. Setiap manusia akan tenang dan suka dengan setiap kebaikan. Sebaliknya, setiap manusia tidak suka dan gelisah hatinya apabila melakukan perkara yang dilarang. Perasaan ini hanya dirasakan oleh diri yang menjaga fitrahnya. Namun, ia tidak dapat dirasakan sekiranya fitrah seseorang itu musnah akibat berterusan melakukan maksiat dan keingkaran kepada Allah SWT.
2. Hadis ini juga merupakan antara hadis yang menjadi tunjang bagi sifat warak. Orang yang warak akan meninggalkan perkara-perkara yang meragukan terutamanya dalam perkara halal dan haram.
3. Harus kembali kepada hati dan jiwa dalam penentuan sesuatu dengan syarat seseorang itu istiqamah pada agamanya dan mempunyai ilmu.
4. Jagalah hati agar tidak dicemari dengan kotoran maksiat dan kemungkaran agar ia dapat membimbing ke arah jalan Tuhan Yang Maha Esa.
5. Memperbanyak amalan kebaikan dan kebajikan akan menambahkan lagi ketenangan, keriangian dan kelapangan jiwa. Oleh itu, banyakkannya melakukan kebaikan dan kebajikan agar hidup terhindar daripada tekanan yang merosakkan dan keresahan yang menghilangkan kenikmatan hidup.

HADIS KE-28: BERPEGANG TEGUH DENGAN SUNAH

عَنْ أَبِي نَجِيحٍ الْعِرْبَاضِ بْنِ سَارِيَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ:

Diriwayatkan daripada Abu Najih al-'Irbadh bin Sariyah r.a., katanya:

وَعَظَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَوْعِظَةً، وَجَلَّتْ مِنْهَا الْقُلُوبُ، وَذَرَفَتْ مِنْهَا
الْعُيُونُ. فَقُلْنَا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، كَأَنَّهَا مَوْعِظَةٌ مُودَّعٍ، فَأَوْصِنَا، قَالَ: أَوْصِيكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ،
وَالسَّمْعِ وَالطَّاعَةِ، وَإِنْ تَأَمَّرَ عَلَيْكُمْ عَبْدٌ. فَإِنَّهُ مَنْ يَعِشْ مِنْكُمْ فَسَيَرَى اخْتِلَافًا كَثِيرًا.
فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ، عَضُّوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِدِ.
وَإِيَّاكُمْ وَمُحَدَّثَاتِ الْأُمُورِ، فَإِنَّ كُلَّ بِدْعَةٍ ضَلَالَةٌ.

Ertinya: “Rasulullah telah menyampaikan kepada kami peringatan yang menggetarkan hati dan mengalirkan air mata. Kami berkata, ‘Wahai Rasulullah, seolah-olah ini merupakan nasihat perpisahan, maka berikanlah wasiat kepada kami.’ Rasulullah SAW bersabda, ‘Aku wasiatkan kepada kamu sekalian agar bertakwa kepada Allah, dengar dan patuhlah, sekalipun yang memerintahkan kamu ialah seorang hamba. Sesungguhnya, sesiapa dalam kalangan kamu yang terus hidup (selepas ini), dia akan melihat banyak perselisihan berlaku. Justeru, hendaklah kamu berpegang dengan sunahku dan sunah Khulafa’ al-Rasyidin yang mendapat petunjuk. Gigitlah ia dengan gigi geraham. Hendaklah kamu menghindari perkara yang direka-reka (bidaah dalam agama) kerana sesungguhnya semua perkara bidaah adalah sesat.”

رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ ، وَالتِّرْمِذِيُّ، وَقَالَ: حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Daud dan al-Tirmizi. Kata al-Tirmizi, “Hadis *hasan sahih*.”

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Setiap Muslim perlu mendengar nasihat dari satu waktu ke waktu yang lain kerana nasihat memberi manfaat kepada diri dan hati. Selain itu, seorang Muslim juga haruslah sentiasa menghadiri majlis-majlis ilmu dan nasihat kerana ia menghidupkan dan melembutkan hati.
2. Untuk yang memberikan nasihat, nasihat mestilah disampaikan dan memberi kesan yang baik serta mencapai matlamatnya. Oleh itu, perelokkanlah niat dan pilihlah perkataan-perkataan yang baik dalam menasihati seseorang agar Allah SWT memberi manfaat kepada kedua-duanya, baik yang menasihati mahupun yang dinasihati.
3. Nasihat yang paling utama bagi seluruh manusia tentulah datangnya daripada Nabi Muhammad SAW. Maka, setiap nasihat Baginda perlulah dihayati dan diikuti.
4. Hadis ini menjelaskan hubungan antara hati dan anggota tubuh badan. Apabila hati telah khusyuk dan terkesan, maka ia memberi kesan kepada mata. Lantaran itu, mengalirlah air mata tanpa perlu dibuat-buat.
5. Taat kepada pemimpin sekalipun dia berasal daripada keturunan apa pun merupakan asas keharmonian hidup. Tanpa ketaatan kepada pemimpin, rosaklah sistem kehidupan dan kemasyarakatan yang dibina sebelum ini. Oleh itu, peliharalah adab dan akhlak terhadap pemimpin sebaiknya.
6. Berpegang teguh dengan sunah Nabi SAW dan Khulafa' al-Rasyidin, khususnya di zaman yang penuh fitnah dan kesamaran ini.
7. Jauhkan diri daripada melakukan perkara yang baharu dalam ibadah. Cukuplah dengan apa yang diajarkan oleh Rasulullah SAW, sahabat dan salafusoleh.

HADIS KE-29: AMALAN KE SYURGA

عَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَخْبِرْنِي بِعَمَلٍ
يُدْخِلُنِي الْجَنَّةَ وَيُبَاعِدُنِي مِنَ النَّارِ، قَالَ:

Diriwayatkan daripada Muadz bin Jabal r.a., katanya, "Aku berkata, 'Wahai Rasulullah, beritahulah kepada aku amalan yang dapat memasukkan aku ke dalam syurga dan menjauhkan aku daripada api neraka.' Rasulullah SAW bersabda:

لَقَدْ سَأَلْتَ عَنْ عَظِيمٍ. وَإِنَّهُ لَيْسِيرٌ عَلَى مَنْ يَسِرَّهُ اللَّهُ تَعَالَى عَلَيْهِ. تَعْبُدُ اللَّهَ
لَا تُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا، وَتُقِيمُ الصَّلَاةَ، وَتُؤْتِي الزَّكَاةَ، وَتَصُومُ رَمَضَانَ، وَتَحُجُّ
الْبَيْتَ. ثُمَّ قَالَ: أَلَا أَدُلُّكَ عَلَى أَبْوَابِ الْخَيْرِ؟ الصَّوْمُ جُنَّةٌ، وَالصَّدَقَةُ تُطْفِئُ
الْخَطِيئَةَ كَمَا يُطْفِئُ الْمَاءُ النَّارَ، وَصَلَاةُ الرَّجُلِ مِنْ جَوْفِ اللَّيْلِ.

'Sesungguhnya, kamu telah bertanya tentang sesuatu yang besar. Sesungguhnya ia sesuatu yang mudah bagi sesiapa yang dimudahkan oleh Allah SWT. Hendaklah kamu menyembah Allah dan tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu, mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan dan mengerjakan haji di Baitullah. Kemudian, Rasulullah SAW bersabda, 'Mahukah aku tunjukkan kepadamu pintu-pintu kebaikan? (laitu) puasa merupakan perisai, sedekah memadamkan kesalahan sebagaimana air memadamkan api dan seseorang yang solat pada pertengahan malam.'

ثُمَّ تَلَا: تَتَجَافَى جُنُوبُهُمْ عَنِ الْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ خَوْفًا وَطَمَعًا وَمِمَّا
رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ (16) فَلَا تَعْلَمُ نَفْسٌ مَّا أُخْفِيَ لَهُمْ مِّن قُرَّةِ أَعْيُنٍ جَزَاءُ بِمَا
كَانُوا يَعْمَلُونَ (17)

Selanjutnya, Rasulullah SAW membaca (ayat al-Quran), 'Mereka merenggangkan diri dari tempat tidur (sedikit sangat tidur kerana mengerjakan sembahyang tahajud dan amalan-amalan kebaikan);

mereka sentiasa berdoa kepada Tuhan mereka dengan perasaan takut (akan kemurkaan-Nya) serta dengan perasaan ingin memperoleh lagi (keredaan-Nya); dan mereka juga selalu mendermakan sebahagian daripada apa yang Kami berikan kepada mereka. Tidak ada seorang pun yang mengetahui satu per satu persediaan yang telah dirahsiakan untuk mereka (daripada segala jenis nikmat) yang amat indah dipandang dan menggembirakan sebagai balasan bagi amal-amal soleh yang telah dikerjakan oleh mereka.” (Surah al-Sajdah 32: 16-17)

ثُمَّ قَالَ: أَلَا أُخْبِرُكَ بِرَأْسِ الْأَمْرِ وَعَمُودِهِ وَذُرْوَةِ سَنَامِهِ؟ قُلْتُ: بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ. قَالَ: رَأْسُ الْأَمْرِ الْإِسْلَامُ، وَعَمُودُهُ الصَّلَاةُ، وَذُرْوَةُ سَنَامِهِ الْجِهَادُ. ثُمَّ قَالَ: أَلَا أُخْبِرُكَ بِمَلَاكٍ ذَلِكَ كُلُّهُ؟ قُلْتُ: بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ. فَأَخَذَ بِلِسَانِهِ ثُمَّ قَالَ: كُفَّ عَلَيْكَ هَذَا. قُلْتُ: يَا نَبِيَّ اللَّهِ، وَإِنَّا لَمُؤَاخِذُونَ بِمَا نَتَكَلَّمُ بِهِ؟ فَقَالَ: تَكَلَّمْتُ أُمُّكَ! وَهَلْ يَكُوبُ النَّاسُ فِي النَّارِ عَلَى وُجُوهِهِمْ، - أَوْ عَلَى مَنَاخِرِهِمْ - إِلَّا حَصَائِدُ أَلْسِنَتِهِمْ.

Setelah itu, Rasulullah SAW bersabda, 'Mahukah aku bagitahu kamu tentang kepala bagi segala urusan agama, tiangnya dan kemuncaknya?' Aku menjawab, 'Sudah pasti wahai Rasulullah.' Rasulullah bersabda, 'Kepala bagi segala urusan agama ialah Islam, tiangnya ialah solat dan kemuncaknya ialah jihad.' Kemudian, Rasulullah SAW bersabda, 'Mahukah aku bagitahu kamu tujuan semua perkara tersebut?' Aku menjawab, 'Sudah pasti wahai Rasulullah.' Lantas, Baginda memegang lidah Baginda dan bersabda, 'Hendaklah kamu menahan ini (daripada menyalahgunakannya).' Aku bertanya, 'Wahai Nabi Allah, adakah kami akan dihisab dan diazab disebabkan oleh perkataan yang kami ucapkan?' Baginda menjawab, 'Bertuah kamu! Tidaklah ada yang menghumbankan manusia ke dalam neraka di atas muka mereka – dalam riwayat lain disebutkan atas hidung mereka – melainkan kerana hasil ucapan lidah-lidah mereka.”

رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَقَالَ: حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Tirmizi. Kata beliau, “Hadis ini *hasan sahih*.”

Antara pelajaran yang boleh kita dapati daripada hadis ini ialah:

1. Hadis ini juga menunjukkan bahawa para sahabat sentiasa meminta petunjuk Nabi SAW dan peringatan untuk mereka. Seorang pelajar atau penuntut ilmu haruslah bertanya perkara-perkara yang khusus untuk dirinya dengan soalan-soalan yang memberi manfaat buat dirinya. Begitulah yang dapat kita pelajari daripada soalan sahabat kepada Nabi SAW, “Wahai Rasulullah, beritahulah kepada aku...”
2. Hadis ini menunjukkan bahawa menunaikan amalan-amalan fardu yang lima adalah perkara pertama yang semestinya diamalkan oleh seorang hamba Allah dan ia adalah salah satu sebab untuk memasuki syurga serta menjauhkan diri daripada neraka.
3. Taufik secara keseluruhannya milik Allah SWT. Allah SWT memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan menghalang sesiapa yang dikehendaki-Nya. Hal ini jelas dinyatakan oleh Rasulullah SAW, “Sesungguhnya ia sesuatu yang mudah bagi sesiapa yang dimudahkan oleh Allah SWT.” Oleh itu, bersungguh-sungguhlah memohon kepada Allah SWT agar dikurniakan taufik dan kemampuan melakukan ketaatan kepada-Nya.
4. Dalam hadis ini, Rasulullah SAW menjelaskan amalan-amalan dan prinsip-prinsip penting yang perlu diberi perhatian oleh orang-orang Islam dan tidak mensia-siakannya. Kejayaan di dunia dan akhirat dicapai dengan mengikut perintah Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya.
5. Hadis ini mengajak kita agar bermuhasabah diri supaya berhati-hati dengan lidah kerana tajamnya lidah mengalahkan pisau yang menghiris. Justeru, seorang Muslim perlu berfikir sebelum mengungkapkan sesuatu perkataan.
6. Jihad merupakan puncak tertinggi agama ini. Jihad tidak hanya tertumpu kepada penggunaan senjata peperangan, malah dari pelbagai aspek. Jihad membawa erti mencurahkan segala tenaga dalam menyebarkan dakwah Islam dan mempertahankannya. Ia juga merangkumi jihad melawan nafsu dan syaitan, jihad menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran, jihad menyatakan kebenaran di hadapan pemerintah yang zalim dan sebagainya.

HADIS KE-30: BATASAN AGAMA YANG DITETAPKAN ALLAH SWT

عَنْ أَبِي ثَعْلَبَةَ الْخُسَنِيِّ جُرْثُومَ بْنِ نَاسِرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ:

Diriwayatkan daripada Abu Tsa'labah al-Khusyani Jurthum bin Nasyir r.a.,
daripada Rasulullah SAW, Baginda bersabda:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ فَرَضَ فَرَائِضَ، فَلَا تُضَيِّعُوهَا. وَحَدَّ حُدُودًا، فَلَا تَعْتَدُوهَا.
وَحَرَّمَ أَشْيَاءَ، فَلَا تَنْتَهِكُوهَا. وَسَكَتَ عَنْ أَشْيَاءَ رَحْمَةً لَكُمْ غَيْرَ نِسْيَانٍ، فَلَا
تَبْحَثُوا عَنْهَا.

Ertinya: "Sesungguhnya Allah SWT menetapkan perkara-perkara fardu, maka janganlah kamu mensia-siakannya. Dia meletakkan batasan-batasan, maka janganlah kamu melampauinya. Dia mengharamkan sesuatu, maka janganlah kamu melanggarnya. Dia mendinginkan sesuatu perkara sebagai rahmat kepada kamu, bukan kerana terlupa, maka janganlah kamu mencari-cari dan menyelidikinya."

حَدِيثٌ حَسَنٌ. رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ وَغَيْرُهُ.

Hadis *hasan*. Hadis ini diriwayatkan oleh al-Daraqutni dan selainnya.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Hadis ini menunjukkan kesempurnaan syariat Islam. Syariat Islam tetap teguh dan kukuh sekalipun melalui pelbagai generasi dan menempuh perjalanan masa yang panjang. Syariat Islam ini tetap dipelihara oleh Allah SWT sehingga hari kiamat.
2. Hadis ini menekankan bahawa syariat Islam bersifat mudah dan tidak menyusahkan. Ia terhindar daripada sebarang perintah dan tegahan yang melemahkan manusia atau ketidakmampuan manusia untuk mentaatinya.
3. Halal dan haram sesuatu perkara adalah hak Allah SWT. Inilah yang boleh didapati daripada al-Quran dan sunah. Menjadi tugas para ulama untuk menghuraikan dan berijtihad dalam perkara-perkara baharu berdasarkan dua sumber ini.
4. Larangan Allah SWT terhadap umat Islam yang menyelidik dan memperinci sesuatu perkara sehingga tidak mampu untuk dilaksanakan.

HADIS KE-31: KEUTAMAAN SIFAT ZUHUD

عَنْ أَبِي الْعَبَّاسِ سَهْلٍ بْنِ سَعْدٍ السَّاعِدِيِّ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ دُلَّنِي عَلَى عَمَلٍ إِذَا عَمِلْتُهُ، أَحَبَّنِي اللَّهُ، وَأَحَبَّنِي النَّاسُ، فَقَالَ:

Diriwayatkan daripada Abu al-'Abbas Sahl bin Sa'd al-Sa'idi r.a., katanya, "Seorang lelaki datang bertemu Nabi Muhamad SAW dan berkata, 'Wahai Rasulullah, tunjukkan kepadaku satu amalan yang apabila aku amalkannya, aku dicintai oleh Allah SWT dan dicintai oleh manusia.' Rasulullah SAW bersabda:

أَزْهَدْ فِي الدُّنْيَا، يُحِبَّكَ اللَّهُ. وَأَزْهَدْ فِيمَا عِنْدَ النَّاسِ، يُحِبَّكَ النَّاسُ.

'Zuhudlah terhadap dunia ini, nescaya Allah SWT akan mencintai kamu. Zuhudlah juga pada apa-apa yang ada pada manusia, nescaya manusia akan mencintai kamu.'

حَدِيثٌ حَسَنٌ، رَوَاهُ ابْنُ مَاجَهَ وَغَيْرُهُ بِإِسْنَادٍ حَسَنَةٍ.

Hadis hasan. Hadis ini diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan selainnya dengan sanad-sanad yang hasan.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Setiap manusia wajib bersyukur kepada Allah SWT atas nikmat tubuh badan yang dikurniakan. Antara cara mempamerkan kesyukuran adalah dengan bersedekah, iaitu menggunakan setiap sendi tubuh badan untuk berzikir dan membantu orang lain. kepada Allah SWT. Seorang Muslim yang baik ialah seseorang yang dicintai oleh Allah SWT dan dan dicintai oleh masyarakat sekelilingnya.
2. Zuhud bukanlah bererti meninggalkan dunia atau langsung tidak berharta, bahkan zuhud tidak menghalang seseorang untuk mencari rezeki dan menjadi seorang yang kaya. Namun, zuhud yang sebenar ialah hati seseorang yang tidak terikat dengan dunia dan tidak akan menjadikan dunia dan kemewahan hidup sebagai matlamat.
3. Hati seseorang yang terlalu mencintai dunia dan terikat dengannya akan leka daripada mengingati Allah SWT dan jauh daripada matlamat hidup sebagai seorang hamba.
4. Zuhud pada perkara yang ada pada manusia bermaksud hatinya tidak terikat dengan orang lain, berasa hina diri dan tidak menggadaikan agama demi mendapatkan perkara yang dihajatnya.

HADIS KE-32: MENGHINDARI KEMUDARATAN

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ سَعْدِ بْنِ مَالِكِ بْنِ سِنَانَ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ،
أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:

Diriwayatkan daripada Abu Sa'id Sa'd bin Malik bin Sinan al-Khudri r.a.,
sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ.

“Tidak boleh memudaratkan diri sendiri dan tidak boleh memudaratkan orang lain.”

حَدِيثٌ حَسَنٌ. رَوَاهُ ابْنُ مَاجَهَ، وَالدَّارَقُطْنِيُّ، وَغَيْرُهُمَا مُسْنَدًا.
وَرَوَاهُ مَالِكٌ رَحِمَهُ اللَّهُ تَعَالَى فِي الْمَوْطَأِ عَنْ عَمْرِو بْنِ يَحْيَى،
عَنْ أَبِيهِ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُرْسَلًا. فَأَسْقَطَ أَبُو سَعِيدٍ.
وَلَهُ طُرُقٌ يَفْقُو بِبَعْضِهَا بَعْضًا.

Hadis *hasan*. Hadis ini diriwayatkan oleh Ibnu Majah, al-Daraqutni dan lain-lain secara bersambung sanad. Hadis ini juga diriwayatkan oleh Imam Malik rahimahullah taala dalam kitab *al-Muwatta'* daripada Amru bin Yahya, daripada ayahnya, daripada Nabi SAW secara *mursal*. Beliau menggugurkan Abu Sa'id daripada sanad. Hadis ini mempunyai beberapa jalur periwayatan yang saling menguatkan antara satu sama lain.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Hadis ini menunjukkan bahawa tiada kemudaratannya dan kesusahan dalam syariat Islam. Sebaliknya, setiap suruhan Islam membawa kepada kebaikan dan kemaslahatan untuk kehidupan. Begitulah juga larangan dalam agama Islam ini dapat menghindarkan diri kita daripada kemudaratannya dan keburukan dalam kehidupan.
2. Kita mestilah menghindarkan diri daripada apa jua bentuk kemudaratannya termasuklah menolak sebarang kemudaratannya sebelum ia berlaku dan melenyapkan kemudaratannya selepas ia berlaku.
3. Seorang Muslim perlu menghormati orang lain dan memuliakan mereka dalam semua urusan kehidupan. Perasaan belas kasihan dan ikatan persaudaraan sesama individu mampu menghalang berlakunya perkara-perkara yang memudaratkan.
4. Daripada hadis ini kita faham bahawa apabila kita berhadapan dengan sebarang permasalahan dan kemusykilan dalam hidup, hendaklah kita tanamkan dalam jiwa bahawa setiap perkara yang memudaratkan dan mendatangkan kemudaratannya adalah haram.

HADIS KE-33: ASAS PENGHAKIMAN DALAM ISLAM

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:

Diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas r.huma., sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda:

لَوْ يُعْطَى النَّاسُ بِدَعْوَاهُمْ، لَدَعَى رِجَالٌ أَمْوَالَ قَوْمٍ وَدِمَاءَهُمْ.
لَكِنَّ الْبَيِّنَةَ عَلَى الْمُدَّعِي وَالْيَمِينَ عَلَى مَنْ أَنْكَرَ.

“Sekiranya sesiapa sahaja dibenarkan tuntutananya berdasarkan dakwaan semata-mata, nescaya ramai orang akan menuntut harta orang lain dan balasan terhadap nyawa. Akan tetapi, pihak yang mendakwa mestilah mengemukakan bukti dan pihak yang menafikan dakwaan pula mesti bersumpah.”

حَدِيثٌ حَسَنٌ، رَوَاهُ الْبَيْهَقِيُّ وَغَيْرُهُ هَكَذَا، وَبَعْضُهُ فِي الصَّحِيحَيْنِ.

Hadis *hasan*. Hadis ini diriwayatkan oleh al-Baihaqi dan lain-lain dengan lafaz yang dinyatakan dan sebahagian lafaznya diriwayatkan dalam kitab *al-Sahihain* (*Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*).

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Hadis ini mengisyaratkan dengan terang dan jelas bahawa punca sengketa yang sering terjadi dalam masyarakat adalah harta benda. Malahan, pembunuhan dan pertumpahan darah berlaku disebabkan perebutan harta.
2. Agama Islam ialah agama keadilan. Hal ini kerana agama Islam mengajarkan kita untuk meneliti, memutuskan dan menghukum sesuatu perkara dengan adil. Ia dapat dilihat bagaimana tersusun dan sistematik agama Islam menguruskan urusan kehakiman dan hukuman.
3. Hadis ini juga mendidik manusia untuk mencari kebenaran sekalipun dalam sekecil-kecil perkara.
4. Setiap dakwaan mestilah disertakan dengan bukti yang menyokong dakwaan tersebut. Oleh itu, tidak boleh menuduh seseorang melakukan apa jua salah laku tanpa bukti.
5. Orang yang dituduh boleh mempertahankan diri dengan melakukan sumpah. Dalam hadis ini dipelajari bahawa sumpah diakui sebagai kaedah mempertahankan diri apabila dituduh.
6. Pada dasarnya, seluruh manusia terlepas daripada sebarang tuduhan dan kesalahan sehinggalah dibuktikan kebenarannya.

HADIS KE-34: MENGUBAH KEMUNGKARAN

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ:

Daripada Abu Sa'id al-Khudri r.a., katanya, "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا، فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ. فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ، فَبِلِسَانِهِ. فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ، فَبِقَلْبِهِ. وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ.

'Sesiapa dalam kalangan kamu melihat kemungkaran, maka hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya. Sekiranya dia tidak mampu, maka dengan lidah. Sekiranya dia tidak mampu, maka dengan hati. Demikian itu adalah selemah-lemah iman.'

رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh Muslim.

Antara pelajaran yang boleh kita dapati daripada hadis ini ialah:

1. Hadis ini mendidik masyarakat agar mengubati setiap kesalahan dan kepincangan yang berlaku. Setiap kerosakan dalam masyarakat perlu ditangani agar tidak merosakkan sistem kehidupan dan menghilangkan ketenteraman dalam hidup.
2. Menangani kemungkaran dengan tangan bermaksud menggunakan kekuasaan atau kekuatan untuk menghentikan sesuatu kemungkaran yang sedang berlaku. Contohnya, bapa perlu memastikan anaknya menutup aurat dengan sempurna.
3. Menangani kemungkaran dengan perkataan, iaitu dengan cara menegur, menasihati atau melaporkan kemungkaran sama ada secara lisan atau tulisan. Contohnya, seseorang boleh menasihati rakannya agar tidak membazir waktu.
4. Menangani kemungkaran dengan hati bermaksud membenci dan menjauhi kemungkaran tersebut dan berazam untuk tidak melakukannya serta berdoa agar pelakunya diberi hidayah dan petunjuk untuk bertaubat.
5. Islam meraikan perbezaan kemampuan manusia, justeru setiap individu perlu memainkan peranannya mengikut kemampuan yang ada. Jangan sesekali kemungkaran yang berlaku membuatkan kita tidak mengambil peduli sehingga ia dianggap bukan satu kesalahan dan dosa.
6. Hadis ini secara jelas menegaskan bahawa perbuatan melarang atau mengubah kemungkaran itu mempunyai hubung kait dengan iman seseorang.

HADIS KE-35: HAK PERSAUDARAAN SESAMA MUSLIM

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:


Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a., katanya, "Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَحَاسَدُوا، وَلَا تَنَاجَشُوا، وَلَا تَبَاغُضُوا، وَلَا تَدَابَرُوا، وَلَا يَبِعْ بَعْضُكُمْ عَلَى بَيْعِ بَعْضٍ، وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا. الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ. لَا يَظْلِمُهُ، وَلَا يَخْذُلُهُ، وَلَا يَكْذِبُهُ، وَلَا يَحْقِرُهُ. التَّقْوَى هَاهُنَا (وَيُشِيرُ إِلَى صَدْرِهِ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ). بِحَسَبِ أَمْرٍ مِنَ الشَّرِّ أَنْ يَحْقِرَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ. كُلُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ، دَمُهُ، وَمَالُهُ، وَعَرْضُهُ.

Ertinya: "Janganlah kamu saling berdengki, janganlah kamu saling menipu, janganlah kamu saling membenci dan janganlah kamu saling bermusuhan serta janganlah sebahagian daripada kamu menjual atas jualan orang lain. Jadilah kamu hamba Allah yang bersaudara. Seorang Muslim ialah saudara kepada Muslim yang lain. Jangan menzaliminya, jangan membiarkan dia dizalimi, jangan menipunya dan jangan memperlekehkannya. Takwa itu di sini (Baginda SAW menunjukkan ke dadanya sebanyak tiga kali). Cukup baginya dikira sebagai keburukan apabila dia menghina saudaranya yang Muslim. Setiap Muslim atas Muslim yang lain adalah haram darahnya, hartanya dan kehormatannya."

رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh Muslim.

The background of the page is a faded, light-colored illustration of a mosque courtyard. It shows a large central dome, several minarets, and a courtyard filled with people in traditional Islamic attire. The illustration is rendered in a soft, painterly style.

Antara pelajaran dan pelaksanaan inti pati hadis dalam kehidupan yang boleh diambil ialah:

1. Hadis ini menjelaskan hak-hak dan tanggungjawab dalam sesebuah masyarakat. Perkara-perkaya yang disebutkan perlu dilaksanakan bagi menjamin kehidupan yang harmoni dan berkasih sayang.
2. Islam bukanlah ajaran yang berkaitan dengan akidah dan ibadah sahaja tetapi juga berkaitan dengan akhlak dan muamalat sesama manusia. Menjaga hubungan baik sesama manusia merupakan satu ibadah yang dituntut dalam Islam.
3. Ketakwaan yang terletak di hati akan diterjemahkan melalui tindakan dan perbuatan. Oleh itu, sesiapa yang bertakwa pasti dapat mengamalkan inti pati yang terdapat dalam hadis ini.
4. Umat Islam ialah umat yang memberi manfaat kepada orang lain dan menjauhkan kemudaratan serta kezaliman terhadap orang lain. Sebagaimana seseorang ingin dilayan dengan baik, maka dia juga perlu memberi dan menyebarkan kebaikan kepada orang lain.

HADIS KE-36: MENUNAIKAN KEPERLUAN SAUDARA MUSLIM DAN KEUTAMAAN ILMU

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ:

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a., daripada Nabi Muhammad SAW yang bersabda:

مَنْ نَفَسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا، نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ. وَمَنْ يَسِّرَ عَلَى مُغْسِرٍ، يَسِّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ. وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا، سَتَرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ. وَاللَّهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ، مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ.

“Sesiapa yang melapangkan kesempitan dunia seorang Mukmin di dunia, Allah akan melapangkan kesempitannya pada hari kiamat. Sesiapa yang mempermudah urusan orang dalam kesusahan, Allah SWT akan mempermudah urusannya di dunia dan akhirat. Sesiapa yang menutup keaiban seseorang Muslim, Allah SWT akan menutup keaibannya di dunia dan akhirat. Allah SWT sentiasa memberi pertolongan kepada hamba-Nya, selagi mana seseorang hamba itu menolong saudaranya.

وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا، سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ. وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ، يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ، وَيَتَدَارَسُونَهُ بَيْنَهُمْ، إِلَّا نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ، وَغَشِيَتْهُمْ الرَّحْمَةُ، وَحَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ، وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ. وَمَنْ بَطَأَ بِهِ عَمَلُهُ، لَمْ يُسْرِعْ بِهِ نَسَبُهُ.

Sesiapa yang menempuh suatu jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah akan mempermudah baginya jalan ke syurga dengan ilmu tersebut. Tidak berhimpun sekumpulan Muslim dalam mana-mana rumah Allah dalam keadaan membaca dan mempelajari al-Quran sesama mereka melainkan ketenangan akan turun kepada mereka, rahmat akan meliputi mereka, para malaikat akan menaungi mereka dan Allah akan menyebut perihal mereka kepada para makhluk di sisi-Nya. Sesiapa yang amal solehnya lambat (yakni sedikit sahaja), maka nasab keturunan tidak boleh menyegerakannya (yakni mengangkat darjatnya).”

رَوَاهُ مُسْلِمٌ بِهَذَا اللَّفْظِ.

Hadis ini diriwayatkan oleh Muslim dengan lafaz ini.

Antara pelajaran yang boleh kita dapati daripada hadis ini ialah:

1. Hadis ini menjadi galakan untuk kita bersegera membantu orang susah yang berada dalam kesusahan dan menutup keaiban mereka. Dengan tindakan ini, kita akan memperoleh balasan yang baik daripada Allah SWT.
2. Hadis ini sebagaimana hadis sebelum ini menitikberatkan soal kehidupan dalam bermasyarakat.
3. Seseorang yang membantu orang lain, pada hakikatnya dia sedang membantu dirinya sendiri. Tiada istilah rugi dan menyesal dalam membantu dan menolong orang yang memerlukan. Sebaliknya, ketenangan dan kebahagiaan pula yang akan diperoleh.
4. Hadis ini juga mengajak seluruh umat Islam agar bersama-sama menghadiri dan berada dalam majlis ilmu. Jalan bagi seseorang menuntut ke syurga adalah dengan ilmu. Melalui ilmu pengetahuan, seseorang itu mampu mengubah cara pandang dan gaya hidupnya ke arah yang lebih baik. Dengan ilmu juga kita mampu menjadi manusia yang bertakwa apabila mengamalkan ilmu tersebut.

HADIS KE-37: NILAI KEBAIKAN DAN KEBURUKAN DI SISI ALLAH SWT

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِيمَا يَرْوِي
عَنْ رَبِّهِ تَبَارَكَ وَتَعَالَى قَالَ:

Diriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas r.huma., daripada Rasulullah SAW, yang meriwayatkan daripada Tuhannya Yang Maha Suci dan Maha Tinggi dengan firman-Nya:

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْحَسَنَاتِ وَالسَّيِّئَاتِ ثُمَّ بَيَّنَ ذَلِكَ. فَمَنْ هَمَّ بِحَسَنَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا، كَتَبَهَا اللَّهُ
عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً. وَإِنْ هَمَّ بِهَا فَعَمِلَهَا، كَتَبَهَا اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ عِنْدَهُ عَشْرَ حَسَنَاتٍ إِلَى سَبْعِ
مِائَةٍ ضِعْفٍ إِلَى أَضْعَافٍ كَثِيرَةٍ. وَإِنْ هَمَّ بِسَيِّئَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا، كَتَبَهَا اللَّهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً.
وَإِنْ هَمَّ بِهَا فَعَمِلَهَا، كَتَبَهَا اللَّهُ سَيِّئَةً وَاحِدَةً.

“Sesungguhnya Allah menetapkan kebaikan (pahala) dan keburukan (dosa), kemudian Dia menjelaskan hal demikian. Sesiapa yang berniat melakukan suatu kebaikan tetapi dia tidak melakukannya, maka Allah menetapkan untuknya satu kebaikan yang sempurna. Sekiranya dia berniat melakukan kebaikan lalu dia mengerjakannya, maka Allah akan menetapkan untuknya sepuluh kebaikan (dan digandakan) sehingga 700 kali ganda, bahkan sehingga gandaan yang tidak terkira banyaknya. Sekiranya dia berniat untuk melakukan kejahatan tetapi dia tidak melakukannya, maka Allah menetapkan untuknya satu kebaikan yang sempurna. Sekiranya dia berniat melakukan kejahatan lalu dia melakukannya, maka Allah akan menetapkan untuknya satu keburukan sahaja.

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ، فِي صَحِيحَيْهِمَا بِهَذِهِ الْحُرُوفِ.

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim dalam kitab *Sahih* mereka dengan lafaz sebegini.

فَانْظُرْ يَا أَخِي، وَقَفَّقْنَا اللَّهَ وَإِيَّاكَ إِلَى عَظِيمِ لُطْفِ اللَّهِ تَعَالَى، وَتَأَمَّلْ هَذِهِ الْأَلْفَافَ. وَقَوْلُهُ ((عِنْدَهُ)) إِيَّاهُ إِلَى الْإِعْتِنَاءِ بِهَا. وَقَوْلُهُ ((كَامِلَةً)) لِلتَّوَكُّيدِ وَشِدَّةِ الْإِعْتِنَاءِ بِهَا.

Maka perhatikanlah wahai saudaraku, semoga Allah memberi taufik kepada kita semua, betapa besarnya kasih sayang Allah dan renungilah lafaz-lafaz hadis ini. Perkataan ((عِنْدَهُ)) yang bermaksud ‘di sisi-Nya’ ialah suatu isyarat kepada perhatian Allah terhadap amalan baik tersebut. Perkataan ((كَامِلَةً)) yang bermaksud ‘sempurna’ memberi makna penegasan serta menunjukkan ia diberi perhatian besar terhadap kebaikan tersebut.

وَقَالَ فِي السَّيِّئَةِ الَّتِي هُمْ بِهَا ثُمَّ تَرَكَهَا ((كَتَبَهَا اللَّهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً)) فَأَكْثَرَهَا بـ (كَامِلَةً). وَإِنْ عَمِلَهَا، كَتَبَهَا اللَّهُ سَيِّئَةً وَاحِدَةً، فَأَكْثَرَهَا تَقْلِيلَهَا، بـ (وَاحِدَةً) وَلَمْ يُؤَكِّدَهَا بـ (كَامِلَةً).

Adapun pada kesalahan, apabila seseorang berniat melakukannya tetapi meninggalkannya, Allah berfirman ((كَتَبَهَا اللَّهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً)) yang bermaksud ‘Allah menetapkan untuknya satu kebaikan yang sempurna’, Allah menegaskan dengan perkataan ((كَامِلَةً)) yang bermaksud ‘sempurna’. Namun, jika dia melakukannya, Allah mencatatkannya sebagai satu kejahatan sahaja, dengan penegasan betapa sedikitnya ia dengan perkataan ((وَاحِدَةً)) yang bermaksud ‘satu’ dan tidak menggunakan lafaz ((كَامِلَةً)) yang bermaksud ‘sempurna’.

فَلِلَّهِ الْحَمْدُ وَالْمِنَّةُ، سُبْحَانَهُ لَا نُحْصِي ثَنَاءً عَلَيْهِ، وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ.

Maka, segala pujian dan nikmat hanyalah untuk Allah, Maha Suci Allah, kita tidak mampu menghitung pujian yang layak untuk-Nya dan hanya kepada-Nya kita memohon taufik.

Antara pelajaran yang boleh kita dapati daripada hadis ini ialah:

1. Hadis ini menggalakkan umat Islam agar memasang niat yang benar lagi baik dalam setiap urusan kehidupan. Seorang Muslim hendaklah sentiasa meniatkan perbuatan baik dan membuktikannya, dengan demikian akan ditulis pahala dan ganjarannya. Sekalipun kebaikan tidak dilakukan, niat yang baik itu akan tetap diambil kira.
2. Seorang Muslim sewajarnya mempunyai sifat malu dalam dirinya. Hal ini demikian kerana setiap perkara yang diniatkannya telah diketahui Allah SWT. Ia merupakan didikan kepada setiap Muslim untuk meninggalkan segala keinginan dan niat untuk melakukan apa-apa bentuk kejahatan dan maksiat.
3. Hadis ini tidaklah menggalakkan kita untuk menanam niat jahat dengan sengaja, kemudian sengaja meninggalkan niat tersebut untuk mendapatkan pahala sebagaimana yang dinyatakan. Hal ini kerana seseorang yang tidak bercita-cita untuk melakukan kejahatan adalah lebih baik daripada seseorang yang bercita-cita buruk, lalu meninggalkan kerana situasi ini seolah-olah bermain-main dengan kejahatan dan dosa.
4. Manusia sering kali tertewas dengan bisikan hawa nafsu dan pujukan syaitan sehingga meletakkan diri mereka dalam dosa. Namun dengan rahmat Allah SWT, dengan sifat pengasih dan penyayang Allah SWT, Dia hanya menulis satu kesalahan sahaja. Sekiranya dia bertaubat pula, maka Allah SWT akan menerima taubatnya dan menghapuskan dosa tersebut.

HADIS KE-38: MENDEKATKAN DIRI KEPADA ALLAH SWT

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a, katanya Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى قَالَ: مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا، فَقَدْ آذَنْتُهُ بِالْحَرْبِ. وَمَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ عَبْدِي بِشَيْءٍ أَحَبَّ إِلَيَّ مِمَّا افْتَرَضْتُ عَلَيْهِ، وَمَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أُحِبَّهُ. فَإِذَا أَحْبَبْتُهُ، كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ، وَبَصَرَهُ الَّذِي يُبْصِرُ بِهِ، وَيَدَهُ الَّتِي يَبْطِشُ بِهَا، وَرِجْلَهُ الَّتِي يَمْشِي بِهَا، وَإِنْ سَأَلَنِي، أُعْطِيتُهُ. وَلَئِنْ اسْتَعَاذَنِي، لَأُعِيذَنَّهُ.

“Sesungguhnya Allah Taala berfirman, ‘Sesiapa yang memusuhi wali-Ku, sesungguhnya Aku isytiharkan peperangan ke atasnya. Tiada perkara yang hamba-Ku lakukan untuk menghampirkan dirinya kepada-Ku yang lebih Aku sukai daripada perkara yang Aku fardukan kepadanya. Hamba-Ku itu sentiasa mendekatkan diri kepada Aku melalui amalan sunat sehinggalah Aku mencintainya. Apabila Aku mencintainya, maka Aku akan menjadi pendengaran yang dia mendengar dengannya. Aku akan menjadi penglihatan yang dia melihat dengannya. Aku akan menjadi tangan yang dia bertindak dengannya. Aku akan menjadi kaki yang dia berjalan dengannya. Demi sesungguhnya, jika dia meminta sesuatu daripada-Ku, pasti Aku akan mengurniakannya dan jika dia meminta perlindungan daripada-Ku, pasti Aku akan melindunginya.”

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari.

Antara pelajaran yang boleh kita dapati daripada hadis ini ialah:

1. Hadis ini merupakan antara ancaman berat yang diisytiharkan oleh Allah SWT kepada sesiapa yang memusuhi, menentang dan menyakiti para wali Allah SWT. Seheinggakan Allah SWT mengisytiharkan dia sebagai musuh dan memberi ancaman terhadapnya.
2. Umat Islam wajib bersama para wali Allah SWT dalam menegakkan dan meninggikan Islam di dunia ini. Sumbanglah setiap kemahiran yang ada bagi melancarkan gerak kerja perjuangan ini sama ada dari sudut masa, kewangan, tenaga, harta benda, buah fikiran dan lain-lain.
3. Seseorang wali Allah SWT sangat menjaga syariat Islam. Mereka mentaati dan melaksanakan setiap perintah Allah SWT dan menjauhi segala larangan serta tegahan-Nya. Seluruh anggotanya tidak digunakan melainkan pada perkara yang diizinkan oleh Allah SWT. Mereka sesekali tidak melampaui batas dan had yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.
4. Setiap amalan kebaikan yang dilakukan secara berterusan dan istiqamah akan melahirkan rasa cinta kepada Allah SWT. Setelah dirinya mencintai Allah SWT, maka setiap tindak-tanduknya akan mengikut apa yang dicintai oleh Allah SWT.

HADIS KE-39: KEADAAN-KEADAAN YANG DIMAAFKAN

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، أَنَّ رَسُولَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:

Diriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas r.huma., bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ تَجَاوَزَ لِي عَنْ أُمَّتِي الْخَطَأَ وَالنَّسْيَانَ، وَمَا اسْتُكْرِهُوا عَلَيْهِ.

“Sesungguhnya Allah SWT tidak mengambil kira (memaafkan) bagiku daripada umatku akan kesilapan, kelupaan dan perkara yang dipaksa ke atasnya.”

حَدِيثٌ حَسَنٌ، رَوَاهُ ابْنُ مَاجَهَ، وَابْنُ أَبِي هَاشِمٍ، وَغَيْرُهُمَا.

Hadis *hasan*. Hadis ini diriwayatkan oleh Ibnu Majah, al-Baihaqi dan lain-lain.

Antara pelajaran yang boleh kita dapati daripada hadis ini ialah:

1. Hadis ini merupakan prinsip dalam syariat Islam. Ia menjelaskan bahawa syariat Islam ini bersifat mudah dan menghormati fitrah kejadian manusia.
2. Hadis ini menunjukkan bahawa Allah SWT amat mengenali dan mengetahui para hamba-Nya serta masalah yang mereka hadapi dan agama yang disyariatkan-Nya adalah sesuai dan mudah buat para hamba-Nya.
3. Perkara yang dinyatakan dalam hadis ini merupakan antara perkara yang dikategorikan sebagai keistimewaan bagi umat Nabi Muhammad SAW dan ia tidak didapati pada umat sebelumnya.
4. Sesuatu perkara atau dosa yang dilakukan secara tersilap atau tidak sengaja atau terlupa atau dipaksa akan diampunkan oleh Allah SWT.

HADIS KE-40: MEREBut PELUANG BERAMAL

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ:

Diriwayatkan daripada Ibnu 'Umar r.huma, katanya:

أَخَذَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمَنْكِبِي،
فَقَالَ: كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ أَوْ عَابِرُ سَبِيلٍ.

"Rasululah SAW memegang bahuiku lalu bersabda, 'Hiduplah kamu di dunia ini seperti orang asing atau seorang pengembara.'"

وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ يَقُولُ: إِذَا أُمْسَيْتَ، فَلَا تَنْتَظِرِ الصَّبَاحَ. وَإِذَا أَصْبَحْتَ،
فَلَا تَنْتَظِرِ الْمَسَاءَ. وَخُذْ مِنْ صِحَّتِكَ لِمَرَضِكَ، وَمِنْ حَيَاتِكَ لِمَوْتِكَ.

Ibnu 'Umar r.huma. berkata, "Apabila kamu berada pada waktu petang, janganlah kamu menanti waktu pagi. Apabila kamu berada pada waktu pagi, jangan kamu menanti waktu petang. Gunakanlah masa sihat kamu sebelum masa sakit kamu dan masa kamu hidup sebelum masa kamu mati."

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari.

Antara pelajaran yang boleh kita dapati daripada hadis ini ialah:

1. Hadis ini menyuntik motivasi ke dalam jiwa-jiwa orang Muslim agar fokus kepada matlamat yang ingin dicapai. Segala yang ada di dunia ini perlu disalurkan untuk mencapai matlamat utama, iaitu keuntungan pada hari akhirat. Kesempatan hidup yang sementara ini menjadikan seseorang bersungguh-sungguh dan tidak berlengah-lengah lagi.
2. Setiap umat Islam perlu menjaga dan menghargai nikmat masa yang dikurniakan oleh Allah SWT di dunia ini. Masa yang singkat ini sewajarnya ditumpukan kepada perkara-perkara yang penting dan bermanfaat serta mengabaikan perkara-perkara yang sia-sia dan tidak mendatangkan keuntungan di akhirat nanti.
3. Sementara sedang sihat dan masih lagi bernyawa, rebutlah peluang untuk beramal agar tidak menyesal pada kemudian hari tatkala sakit datang menerpa, ajal datang menyapa.
4. Hadis ini merupakan asas supaya kita tidak panjang angan-angan. Jangan dijadikan dunia untuk tempat tinggal yang kekal sehingga kita rasa selesa tanpa memikirkan soal akhirat. Sepatutnya dunia ini hanya dijadikan tempat persiapan melengkapkan keperluan amal soleh untuk bekalan di akhirat.
5. Hadis ini tidak bermaksud larangan mencari rezeki dan larangan menikmati kelazatan dunia kerana hal ini bercanggah dengan apa yang diajarkan dan dipraktikkan oleh Rasulullah SAW.

HADIS KE-41: MENUNDUKKAN HAWA NAFSU

عَنْ أَبِي مُحَمَّدٍ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ الْعَاصِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ:
قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

Diriwayatkan daripada Abu Muhammad, 'Abdullah bin 'Amru bin al-'Ash r.huma.,
katanya, Rasulullah SAW bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يَكُونَ هَوَاهُ تَبَعًا لِمَا جِئْتُ بِهِ.

“Tidak beriman seseorang daripada kamu sehinggalah hawa nafsunya tunduk
mengikut apa yang aku bawakan.”

حَدِيثٌ صَحِيحٌ، رَوَيْنَاهُ فِي كِتَابِ الْحُجَّةِ بِإِسْنَادٍ صَحِيحٍ.

Hadis *sahih*. Kami meriwayatkannya dalam kitab *al-Hujjah* dengan sanad yang
sahih.

Antara pelajaran yang boleh kita dapati daripada hadis ini ialah:

1. Hadis ini menunjukkan bahawa orang yang sempurna imannya ialah orang yang hawa nafsunya mengikuti apa yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Mereka yang mengaku cintakan Allah SWT dan Nabi SAW seharusnya meletakkan hawa nafsunya bertepatan dengan apa yang telah dibawakan oleh Nabi SAW.
2. Hadis ini menjelaskan bahawa hawa nafsu ialah halangan terbesar dalam mengikuti jalan yang benar. Sehingga seseorang yang beriman tidak mungkin mencapai darjat kesempurnaan iman selagi mana dia dipengaruhi oleh hawa nafsunya. Oleh itu, setiap Muslim dituntut agar bermujahadah mengurus kehendak nafsunya dengan baik dan berusaha menundukkan dan menguasai hawa nafsunya.
3. Ukuran keimanan seseorang dapat diukur berdasarkan sejauhmana hawa nafsunya mengikut kehendak yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Sekiranya seluruh hawa nafsunya dilorongan kepada kehendak Allah SWT dan Rasul-Nya SAW, maka sesungguhnya dia memiliki iman yang sempurna.
4. Hadis ini juga mendidik kita untuk mengutamakan perintah Rasulullah SAW. Jangan sesekali kita membelakangi syariat Allah SWT dalam perkara yang berlawanan dengan kehendak nafsu kita.

HADIS KE-42: LUASNYA KEAMPUNAN ALLAH SWT

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ:
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

Diriwayatkan daripada Anas r.a., “Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, ‘Allah SWT berfirman:

يَا بَنَ آدَمَ، إِنَّكَ مَا دَعَوْتَنِي وَرَجَوْتَنِي، غَفَرْتُ لَكَ عَلَى مَا كَانَ مِنْكَ وَلَا أُبَالِي.
يَا ابْنَ آدَمَ، لَوْ بَلَغَتْ ذُنُوبُكَ عَنَانَ السَّمَاءِ، ثُمَّ اسْتَغْفَرْتَنِي، غَفَرْتُ لَكَ. يَا ابْنَ آدَمَ، إِنَّكَ
لَوْ أَتَيْتَنِي بِقُرَابِ الْأَرْضِ خَطَايَا، ثُمَّ لَقِيتَنِي لَا تَشْرِكُ بِي شَيْئًا، لَأَتَيْتَكَ بِقُرَابِهَا مَغْفِرَةً.

‘Wahai anak Adam, sesungguhnya selagi mana kamu berdoa kepada-Ku dan berharap kepada-Ku, nescaya Aku akan mengampunkan kamu atas apa yang ada pada dirimu, dan Aku tidak peduli. Wahai anak Adam, sekiranya dosa-dosamu mencecah setinggi langit pun, kemudian kamu memohon ampun kepada-Ku, Aku akan mengampuni kamu. Wahai anak Adam, seandainya kamu datang kepada-Ku dengan membawa dosa sepenuh bumi, kemudian kamu bertemu dengan-Ku tanpa menyekutukan Aku dengan sesuatu pun, Aku akan datangkan dengan keampunan yang juga sepenuh bumi itu.’”

رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ رَحِمَهُ اللَّهُ. وَقَالَ: حَدِيثٌ حَسَنٌ.

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Tirmizi rahimahullah. Kata beliau, “Hadis *hasan*.”

Antara pelajaran yang boleh kita dapati daripada hadis ini ialah:

1. Hadis ini membicarakan taubat dan galakan untuk bertaubat. Ia mendidik manusia agar berbaik sangka terhadap Allah SWT. Sekalipun diri telah melakukan dosa dan kesalahan, maka diharapkan keampunan dan dihapuskan dosa yang lalu dengan taubat nasuha.
2. Hadis ini menyentuh perasaan apabila Allah SWT mempamerkan sifat-Nya Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang terhadap seluruh hamba-Nya. Sekalipun hamba-Nya melakukan perkara yang mengingkari dan derhaka kepada-Nya dengan meninggalkan suruhan dan melakukan tegahannya, namun Allah SWT tetap menerima taubat daripada hamba-Nya.
3. Penekanan pentingnya menjauhi syirik, iaitu tidak menyekutukan Allah SWT. Meskipun dosa sepenuh isi bumi, namun selama seseorang mempertahankan tauhid, peluang keampunan masih terbuka.
4. Imam al-Nawawi meletakkan hadis ini sebagai hadis yang terakhir sebagai simbolik agar kita semua diampuni dosa sepanjang hayat.


PENUTUP: PANDUAN HIDUP BERASASKAN ILMU DAN AMAL

Kata Imam al-Nawawi rahimahullah:

فَهَذَا آخِرُ مَا قَصَدْتُهُ مِنْ بَيَانِ الْأَحَادِيثِ الَّتِي جَمَعْتُ قَوَاعِدَ الْإِسْلَامِ، وَتَضَمَّنَتْ
مَا لَا يُحْصَى مِنْ أَنْوَاعِ الْعُلُومِ فِي الْأُصُولِ وَالْفُرُوعِ، وَالْآدَابِ وَسَائِرِ وُجُوهِ الْأَحْكَامِ.

“Maka, inilah penutup kepada apa yang saya maksudkan dengan menerangkan hadis-hadis yang mengandung asas-asas Islam dan yang mencakupi pelbagai jenis ilmu yang tidak terhitung, sama ada dalam bidang *usul*, *furu'*, *adab* serta pelbagai aspek hukum lainnya.”

Sebagai penuntut ilmu, menjadi tanggungjawab kita untuk bukan sahaja menghafal dan memahami hadis-hadis ini tetapi juga mengamalkannya dalam kehidupan. Koleksi hadis yang begitu masyhur dan popular ini tidaklah sepatutnya dijadikan sekadar untuk menambah ilmu pengetahuan tetapi mestilah juga untuk membentuk keperibadian yang unggul, menjadikan kita hamba Allah SWT yang lebih taat dan manusia yang lebih baik.

The background of the slide is a faded, high-angle photograph of a mosque interior, showing a large hall with many people standing in rows, possibly during a prayer or gathering. The architecture features high ceilings and large pillars.

Kata Hasan al-Basri:

قَدْ كَانَ الرَّجُلُ يَطْلُبُ الْعِلْمَ فَلَا يَلْبَثُ أَنْ يَرَى ذَلِكَ فِي تَخَشُّعِهِ وَهَدْيِهِ وَفِي لِسَانِهِ
وَبَصَرِهِ وَبِرِّهِ.

Ertinya: “Dahulu, seseorang yang menuntut ilmu tidak akan mengambil masa lama sehingga kesannya itu dapat dilihat pada kekhusyukannya, perilakunya, tutur katanya, pandangannya dan kebajikannya.”

(*Al-Zuhd li Ahmad ibn Hanbal*, hlm. 211)

Semoga Allah SWT memberikan keberkatan kepada kita atas usaha mempelajari hadis-hadis ini, menjadikan ilmu yang diperoleh sebagai cahaya yang menerangi jalan hidup kita dan mendorong kita untuk menyebarkannya dengan penuh hikmah.